



**PUSAT KESEDARAN WANITA  
WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC)**

**Buku Panduan Menangani  
Penderaan Seksual Kanak-Kanak**

# **Mengajar Kanak-Kanak Langkah-Langkah Keselamatan**



**PUSAT KESEDARAN WANITA  
WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC)**



## **Pusat Kesedaran Wanita Women's Centre for Change**

**P**usat Kesedaran Wanita (WCC) ialah sebuah badan sukarela yang berdedikasi untuk menangani keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak serta memperjuangkan kesaksamaan gender. WCC percaya bahawa setiap wanita, lelaki dan kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup di dalam masyarakat yang bebas daripada keganasan.

Ditubuhkan pada tahun 1985 oleh sekumpulan wanita dan lelaki, WCC menyediakan perkhidmatan percuma seperti kaunseling, sokongan emosi, nasihat guaman dan tempat perlindungan sementara bagi wanita yang didera tanpa mengira kaum etnik, agama atau latar belakang sosial wanita itu.

WCC menjalankan program seranta (outreach) untuk pencegahan penderaan seksual kepada kanak-kanak dan remaja. WCC juga memberi kesedaran mengenai keganasan terhadap wanita dan isu gender kepada orang awam. WCC juga melaksanakan kempen untuk penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak.

Pada 2002, WCC menukar nama dari Pusat Krisis Wanita ke Pusat Kesedaran Wanita supaya merangkumi skop kerja kami yang semakin meluas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)

24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang, Malaysia


Tel: 04-228 0342

Faks: 04-228 5784

Emel: [wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org)

Laman Web: [www.wccpenang.org](http://www.wccpenang.org)

**Buku Panduan Menangani  
Penderaan Seksual Kanak-Kanak  
Mengajar Kanak-Kanak  
Langkah-Langkah  
Keselamatan**



**PUSAT KESEDARAN WANITA  
WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC)**



Buku Panduan Menangani Penderaan Seksual Kanak-Kanak

# **Mengajar Kanak-Kanak Langkah-Langkah Keselamatan**

## **Diterbit oleh**

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)  
24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang, Malaysia.  
Tel: 04-228 0342 Faks: 04-228 5784  
E-mel: [wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org)

## **Hakcipta terpelihara**

Bahagian-bahagian dalam manual ini boleh dibuat salinan, dihasilkan semula atau diubahsuaikan untuk memenuhi keperluan individu atau kumpulan dengan syarat Women's Centre for Change, Penang diberikan penghargaan.

Hakcipta © Women's Centre for Change, Penang  
ISBN 983-40052-1-0

Edisi Pertama 2000  
Cetakan Semula 2003  
Cetakan Kedua dan Dikemaskini 2010

## **Dicetak oleh**

KSK Printings (M) Sdn Bhd  
Pulau Pinang, Malaysia.

## **Susun atur dan seni reka oleh**

Chin Mun Woh, C-Square Sdn. Bhd.,  
Pulau Pinang, Malaysia.

## **Ditaja oleh**

Evangelischer Entwicklungsdienst (EED), Germany.

# Penghargaan

**P**enulis utama manual ini ialah Brittocia Mary Jaya Arulanthu dan dibantu oleh Ambiga Devi. Dalam proses ini, ramai yang tampil untuk menghulurkan bantuan membaikinya.

## **Kami mengucapkan terima kasih kepada:**


Semua guru sekolah rendah yang meluangkan masa menghadiri satu siri perjumpaan untuk berkongsi idea dan memberi cadangan yang tidak ternilai.


Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pulau Pinang atas sumbangan mereka yang amat berharga.

Kakitangan Pusat Krisis Bersepadu dan Jabatan Pediatrik di Hospital Pulau Pinang atas sokongan dan kerjasama mereka.

Ramai rakan-rakan dan rakan sejawat WCC yang telah memberi sokongan dalam berbagai-bagai bentuk. Kami tidak dapat memberikan semua nama mereka, tetapi istimewanya kepada Chin Khuan Sui, Chong Eng, Loh Cheng Kooi, Michael Chai, Deborah Chan, Nirmala Devi, Zahara Ghafur, Badariyah Salleh, Tasha Merican dan Prema Devaraj atas idea-idea yang amat berharga.

Lim Kah Cheng, Lynn Oh dan Karen Lai atas sumbangan mereka menyiapkan Lampiran A – Undang-Undang Berhubung Dengan Penderaan Seksual Kanak-Kanak.





"Kanak-kanak seumpama  
sehelai kertas, siapa saja yang  
melintasinya akan meninggalkan bekas"

**Peribahasa purba Cina**





# Kandungan

Pengenalan vii

Bahagian I – Masalah 1

- Apakah itu penderaan seksual kanak-kanak?
- Mitos dan kenyataan tentang penderaan seksual kanak-kanak
- Mengenalpasti kanak-kanak yang didera secara seksual
- Pendedahan: Isyarat daripada kanak-kanak yang didera secara seksual
- Selepas pendedahan: Bagaimana membantu kanak-kanak tersebut
- Cara melapor keganasan seksual kanak-kanak

Bahagian II – Pencegahan 22

- Apa yang harus diberitahu kepada kanak-kanak
- Mengajar kanak-kanak kemahiran menjaga keselamatan diri
- Cara berbincang dengan kanak-kanak tentang kemahiran keselamatan diri
- Cara menyerapkan kemahiran keselamatan diri ke dalam matapelajaran sekolah rendah

Bahagian III – Permainan & Aktiviti 44

- Permainan dam ular
- Permainan boneka
- Situasi-situasi lakon-peranan
- Aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan
- Muzik, nyanyian and pergerakan
- Bercerita



Lampiran 65

- Undang-undang yang berkaitan dengan penderaan seksual kanak-kanak
- Agensi yang boleh dihubungi

# Pengenalan

Pusat Kesedaran Wanita (WCC), Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1985, untuk membantu wanita dan kanak-kanak yang menghadapi krisis. Dalam proses memberi pertolongan kepada wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan, WCC mula bertambah prihatin tentang kes-kes sumbang mahram dan rogol yang melibatkan kanak-kanak, yang dilaporkan. Pengalaman WCC dan juga penyelidikan lain menunjukkan bahawa sejumlah besar kes penderaan seksual kanak-kanak ini tidak dilaporkan. Oleh sebab itu, ramai mangsa penderaan seksual kanak-kanak tidak menerima bantuan yang sepatutnya.

WCC percaya sekolah dan ibu bapa boleh menolong kanak-kanak ini menjaga diri mereka. Mereka mesti bersikap pro-aktif dan mengajar kanak-kanak supaya sentiasa peka tentang keselamatan diri, mengatakan “JANGAN” kepada penderaan seksual dan tahu yang mereka boleh mendapatkan bantuan. Adalah juga penting kanak-kanak diajar melatih diri mereka menghormati orang lain supaya mereka sendiri tidak menjadi pendera. Guru sekolah memainkan peranan penting dalam menyampaikan latihan menjaga diri dari penderaan seksual kanak-kanak.

## Peranan Guru

Guru mempunyai kedudukan terbaik dalam mengenalpasti dan bertindak balas berhubung dengan kanak-kanak yang didera. Apabila di luar rumah tiada siapa yang kerap berinteraksi dengan kanak-kanak selain daripada guru. Guru merupakan sumber yang terbaik untuk mengenalpasti dan membantu kanak-kanak yang memerlukan bantuan.

Tiga langkah ke arah keselamatan kanak-kanak:

- Mengenalpasti
- Menyiasat
- Mencegah

Guru boleh membantu mengenalpasti kes-kes penderaan seksual kanak-kanak. Mereka tidak diminta untuk menyiasat atau campurtangan, tetapi mereka boleh mencetuskan penyiasatan. Sebenarnya gurulah benteng utama dalam membentaras penderaan kanak-kanak. Pendidik boleh menjadikan diri mereka prihatin terhadap petanda penderaan dan prosedur membuat laporan. Mereka juga boleh menggunakan bahan-bahan yang mengajar keselamatan semasa mengajar kurikulum sekolah.

# Buku panduan ini untuk siapa?

Buku panduan ini ditujukan khas kepada guru-guru sekolah rendah supaya meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang penderaan seksual kanak-kanak dan juga menggalakkan mereka memainkan peranan penting dalam mengajar kanak-kanak menjaga keselamatan diri. Ianya juga memberi maklumat mengenai agensi-agensi yang mengendalikan kes penderaan seksual kanak-kanak di Pulau Pinang.

## Faedah buku panduan

Buku panduan ini bertujuan memberi maklumat serta melatih guru-guru bagaimana mengajar kanak-kanak keselamatan diri. Mereka akan jadi lebih sensitif terhadap mangsa-mangsa penderaan seksual kanak-kanak. Guru akan mempelajari berbagai strategi membantu kanak-kanak supaya lebih bersifat tegas dan pandai menjaga keselamatan diri. Guru juga akan belajar mendengar apa yang diperkatakan oleh kanak-kanak dan tahu bagaimana untuk mendapatkan pertolongan jika diperlukan.

## Cara menggunakan buku panduan ini

Buku panduan ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama:

1. Masalah
2. Pencegahan
3. Dinamik Kumpulan

### **1. Masalah**

Bahagian ini memberi pandangan yang mendalam mengenai masalah penderaan itu. Ia memberi maklumat asas mengenai penderaan kanak-kanak supaya guru boleh mengenalpasti mangsa-mangsa penderaan seksual kanak-kanak.

Topik dalam bahagian ini termasuklah:

- Apa itu penderaan seksual kanak-kanak?
- Mitos dan realiti tentang penderaan seksual kanak-kanak
- Mengenalpasti kanak-kanak yang didera secara seksual
- Pendedahan
- Selepas pendedahan

### **2. Pencegahan**

Bahagian ini memberi petua keselamatan diri yang asas dan mencadangkan cara-cara yang lebih sensitif tetapi lebih menyeronokkan ketika bercakap dengan kanak-kanak.

Yang penting ialah bahagian yang menunjukkan cara guru boleh menyerapkan pelajaran keselamatan peribadi ke dalam kurikulum sekolah rendah sekarang. Topik-topik yang dibincangkan adalah:

- Kemahiran keselamatan diri untuk diajar kepada kanak-kanak.
- Bagaimana berbincang dengan kanak-kanak mengenai keselamatan.
- Tip-tip mengajar kemahiran keselamatan diri.
- Cadangan-cadangan untuk menyerapkan kemahiran keselamatan diri ke dalam kurikulum sekolah rendah kini.

### 3. Dinamik Kumpulan


Bahagian ini memperkenalkan guru kepada permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan yang boleh digunakan untuk mengajar kanak-kanak tentang keselamatan diri. Tujuan bahagian ini ialah untuk menggalakkan guru melencong dari suasana bilik darjah yang formal kepada pendekatan tidak formal yang kreatif terhadap isu ini. Selain daripada cadangan-cadangan yang diberi di bawah ini, guru juga boleh mencipta permainan dan aktiviti mereka sendiri untuk mengajar keselamatan diri. Antara aktiviti dan permainan yang dicadangkan adalah:

- Permainan papan - dam ular
- Skrip lakonan boneka
- Situasi lakonan peranan
- Aktiviti-aktiviti pendidikan
- Muzik, nyanyian dan pergerakan
- Bercerita



Guru yang menggunakan buku panduan ini digalakkan membaca Bahagian I untuk mendapatkan pengetahuan asas mengenai penderaan seksual kanak-kanak sebelum meneruskan kepada Bahagian 11 dan Bahagian 111. Setelah mahir pengetahuan asas ini, guru akan lebih berkeyakinan untuk mengajar kanak-kanak langkah-langkah keselamatan diri. Mereka akan dapat mengenalpasti tanda-tanda penderaan seksual, tahu apa yang harus dibuat dan di mana mendapatkan bantuan.

**Manual ini bukan bertujuan mengkaji dengan mendalam tentang penderaan seksual kanak-kanak. Ianya merupakan pendekatan yang praktikal untuk membantu pelajar-pelajar di sekolah kita.**




# Bahagian I

## **Masalah**

Apakah itu penderaan seksual kanak-kanak?	2
Mitos dan kenyataan tentang penderaan seksual kanak-kanak	4
Mengenalpasti kanak-kanak yang didera secara seksual	7
Pendedahan: Isyarat daripada kanak-kanak yang didera secara seksual	9
Selepas pendedahan: Bagaimana membantu kanak-kanak tersebut?	13
Cara melapor penderaan seksual kanak-kanak	17

# Apakah Itu Penderaan Seksual Kanak-Kanak?

Penderaan seksual kanak-kanak ialah tindakan mengeksploitasi kanak-kanak untuk kepuasan seksual seorang dewasa atau seseorang yang umurnya lebih tua daripada kanak-kanak tersebut.



Jika persetubuhan seks berlaku di antara ahli keluarga, orang yang tidak boleh kahwin mengikut undang-undang, (ibu, bapa, datuk, bapa saudara, sepupu dan adik beradik) ianya dipanggil inses atau sumbang mahram.

## Bilakah sesuatu tindakan itu tidak dianggap sebagai penderaan seksual?

Kita tidak seharusnya terkeliru penderaan seksual kanak-kanak dengan belaian mesra di antara seorang dewasa dengan seorang kanak-kanak.

Seorang dewasa yang bertanggungjawab akan menghadkan belaian dan sentuhannya terhadap kanak-kanak, menghormati kanak-kanak tersebut di samping mengekalkan hubungan yang sihat dan mesra.

## Siapakah yang boleh didera?

Penderaan seksual boleh berlaku kepada kanak-kanak perempuan atau lelaki, yang miskin atau yang kaya, tanpa mengira bangsa dan agama. Pada asasnya, ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

## Siapakah yang mendera kanak-kanak?

Imej yang kita biasa dengar dikaitkan dengan pendera seksual kanak-kanak iaitu orang tua gatai atau penyeleweng adalah kurang tepat.

Dalam kebanyakan kes yang telah dilaporkan, si pendera adalah lelaki. Pendera mungkin seorang yang berjaya dalam kerjayanya dan terkenal dalam masyarakat ataupun seorang yang berpendapatan atau berpendidikan rendah.

Pendera akan kelihatan seperti orang biasa kepada mereka yang mengenalinya. Kerap kali pendera ialah salah seorang daripada anggota keluarga contohnya:

- bapa
- bapa tiri
- abang
- bapa saudara
- sepupu
- datuk

## Bagaimana ia dilakukan?


Berikut adalah beberapa cara penderaan seksual kanak-kanak boleh berlaku:

### **Bukan fizikal:**

- Stimulasi lisan
- Panggilan telefon lucah
- Mendedahkan anggota bahagian sulit
- Voyerisme (mengintai)
- Menunjuk gambar atau filem lucah (pornografi)

### **Secara fizikal**

- Meraba bahagian sulit kanak-kanak
- Mengadakan hubungan seks di luar tabii atau cuba mengadakan seks di luar tabii
- Persetubuhan melalui faraj atau dubur atau cuba mengadakan persetubuhan
- Mengeksploitasi kanak-kanak melalui pelacuran dan/atau pornografi kanak-kanak






# Mengenai Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Kita selalu mendengar cerita mengenai penderaan seksual kanak-kanak dan berpendapat ianya hanya berlaku kepada anak orang lain dan di sekolah lain. Terdapat juga pelbagai gambaran tentang pendera, iaitu hodoh, kotor dan amat kejam. Dalam bab ini, kita akan cuba mengenalpasti mitos dan memberikan anda penerangan mengenai penderaan seksual kanak-kanak.

## Mitos

---

*Ianya hanya berlaku kepada anak orang lain*



*Pendera biasanya nampak bahaya, aneh, jahat dan tidak dikenali oleh mangsa*

## Realiti

---

**Mangsa boleh terdiri daripada mana-mana sahaja kelas sosioekonomi, jantina, agama dan tempat.**

Menurut satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 1996 oleh Dr Abdul Hadi Zakaria, seorang pensyarah bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya, mangsa sumbang mahram yang paling tua berumur 28 tahun manakala yang paling muda berumur 8 bulan.

Hasil kajian Dr Abdul Hadi juga menunjukkan bahawa 62 daripada 82 kes sumbang mahram yang telah dilaporkan pada tahun 1996 berlaku di kawasan perkampungan, 16 di kawasan skim perumahan Felda dan 6 di kawasan perumahan kos rendah.

Satu hasil penemuan yang memeranjatkan ialah kebanyakan kes berlaku semasa terdapat orang lain di dalam rumah.

**Pendera kerap dikenali oleh mangsa (contohnya kawan, saudara, jiran, guru dan lain-lain).**

Hasil kajian Dr. Abdul Hadi Zakaria menunjukkan bahawa daripada 82 kes sumbang mahram yang telah dilaporkan pada tahun 1996, 40 dilakukan oleh bapa kandung, 20 oleh bapa tiri, lapan oleh bapa saudara, tujuh oleh abang ipar, satu oleh abang kandung dan tiga oleh saudara lain.

Statistik polis (2006-2007) menunjukkan bahawa kumpulan terbesar melakukan sumbang mahram ialah bapa kandung, diikuti oleh bapa tiri.

Biasanya pendera ialah lelaki dan mangsa ialah kanak-kanak perempuan.

---

*Penderaan seksual kanak-kanak biasanya melibatkan keganasan*

---

**Keganasan tidak semestinya berlaku dalam penderaan seksual kanak-kanak**

Pendera biasanya membina dan mendapat kepercayaan dari kanak-kanak sebelum mengambil kesempatan terhadap mereka. Pendera juga boleh memperdayakan kanak-kanak itu supaya menerima apa yang berlaku kepadanya.

---

*Kanak-kanak akan berbohong tentang penderaan seksual atau hanya membayangkan ia berlaku*

---

**Kanak-kanak jarang sekali akan berbohong tentang perkara-perkara sebegini.**

Kanak-kanak akan menarik balik atau mengurangkan maklumat setelah pendedahan dibuat kerana merasa tidak selesa atau tekanan daripada keluarga.

Kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan seksual yang tidak bersesuaian dengan umurnya sudah pasti telah memperolehi pengetahuan itu dari tempat lain dan besar kemungkinan daripada pengalamannya.

---

*Pendera jenis ini biasanya adalah homoseksual*

---

**Hanya peratusan kecil pendera terdiri daripada homoseksual.**

Majoriti pendera ialah heteroseksual dan kemungkinan terlibat dalam perhubungan seksual dengan seorang yang dewasa.

---

*Jika tidak berlaku penembusan, maka penderaan seksual tidak berlaku*

---

**Trauma yang dialami semasa serangan seksual yang tidak lengkap adalah sama seperti jika serangan seksual berlaku.**

Mangsa akan berasa tidak berkuasa ke atas dirinya, terhina, marah, serba salah, malu dan keliru.

---

*Kita boleh mempercayai pendera jika mereka berjanji tidak akan mengulangi perkara tersebut*

---

**Pendera tidak akan berhenti tanpa bantuan.**

Teori terdahulu yang menyatakan bahawa pendera yang terlibat dengan sumbang mahram menumpukan penderaan mereka kepada ahli keluarga sendiri. Kajian terkini menunjukkan yang pendera jenis ini akan juga mendekati mangsa yang bukan ahli keluarga. Oleh itu mereka ini haruslah digalakkan untuk mendapatkan bantuan profesional.

---

*Selalunya ibu mangsa akan tahu jika “perkara seperti ini” berlaku*

---

**Ramai ibu tidak tahu langsung mengenai perkara ini tetapi kerap kali akan menyalahkan diri mereka setelah pendedahan dibuat.**

Kadang kala wanita yang pernah didera akan menerima sahaja penderaan yang berlaku ke atas anaknya ini sebagai takdir.

---

*Mereka yang melakukan perbuatan ini adalah jahat dan tidak berhati perut*

---

**Pendera kerap kali nampak baik. Ketrampilan diri ini membantu mereka meneruskan aktiviti penderaan ini.**

Menurut Dr. Abdul Hadi Zakaria, pendera biasanya tidak mempunyai latarbelakang kriminal atau keganasan. Sebaliknya mereka ini biasanya patuh pada undang-undang dan rajin bekerja.

---

*Kanak-kanak akan memberitahu seorang jika di dera secara seksual*

---

**Kebanyakan kanak-kanak akan merahsiakan apa yang berlaku kepadanya.**

Kebanyakan pendera akan memberikan hadiah dan ugutan untuk memaksa atau meyakinkan kanak-kanak yang orang lain tidak akan mempercayainya jika dia memberitahu.

Biasanya kanak-kanak diajar menghormati orang yang lebih tua daripadanya tanpa menyoal, justeru mereka senang menjadi mangsa penderaan seksual.


---

# Mengenalpasti Kanak-Kanak Yang Didera Secara Seksual

Seorang kanak-kanak yang telah didera secara seksual akan menunjukkan tanda-tanda atau indikator penderaan tersebut. Ia mungkin ditunjukkan secara terbuka atau tersirat. Berikut ialah senarai tanda-tanda fizikal, psikologi dan tingkah laku yang menunjukkan kanak-kanak mungkin didera secara seksual:

## Tanda-tanda fizikal

- Bahagian kemaluan atau dubur menjadi merah atau berasa gatal
- Rasa sakit atau terdapat luka di bahagian sulit atau dubur
- Rasa sakit semasa membuang air kecil/kencing
- Luahan daripada faraj atau zakar
- Rasa sakit di bahagian abdomen
- Penyakit kelamin
- Rasa sakit di bahagian abdomen, sakit kerongkong, simptom psikosomatik yang lain
- Mengandung



## Tanda-tanda psikologi

### Kemurungan yang dimanifestasi melalui aduan-aduan seperti:

- Sakit kepala
- Sakit perut
- Sakit dada
- Rasa penat
- Insomnia
- Rasa pening
- Sering menangis
- Histeria
- Takut yang tidak ketentuan
- Kurang tumpuan
- Hilang selera makan
- Rasa rendah diri

**Sesetengah dari petanda-petanda ini secara tersendiri mungkin bukan menunjukkan wujudnya penderaan seksual kanak-kanak. Bagaimanapun contoh-contoh atau petanda yang bercampur-campur seharusnya menimbulkan keraguan kita dan sebab untuk bertanya sama ada wujudnya penderaan atau tidak, walaupun ianya bukan merupakan satu masalah.**

## Tanda-tanda tingkah laku

- Suka berpaut, takut balik ke rumah atau takut pada orang yang tertentu
- Kerap berkhayal
- Berperangai kebudak-budakan
- Menghisap ibu jari
- Terbuang air kecil (kencing) di tempat tidur yang tidak bersesuaian dengan umur
- Pencapaian di sekolah lemah
- Melarikan diri dari rumah
- Menyalahgunakan arak dan dadah
- Cuba membunuh diri
- Kemurungan
- Tidak dapat bergaul mesra dengan rakan sebaya
- Bermimpi ngeri, takut tidur, berjalan sambil tidur, memerlukan lampu dipasang semasa tidur
- Kerap meraba bahagian sulit mereka atau bahagian sulit orang lain
- Pengetahuan dan aktiviti seksual yang tidak sesuai dengan umur
- Tidak mahu tukar pakaian semasa Pendidikan Jasmani (P.J.) atau mengambil bahagian dalam P.J.
- Meragam, marah dan mengamuk
- Tidak mempercayai orang yang baik terhadap mereka
- Takut pada sentuhan dan mengelak kasih sayang
- Perubahan dalam kebersihan peribadi (kurang atau kerap mandi)



## Ciri-ciri keluarga yang berkemungkinan seorang kanak-kanak didera secara seksual

Kerap kali, sejarah ataupun perlakuan dalam sebuah keluarga boleh menunjukkan sama ada keluarga ini bermasalah ataupun tidak. Ini termasuklah:

- Penderaan seksual pernah berlaku
- Keganasan-keganasan bentuk lain yang berlaku di rumah
- Keluarga yang dikawal oleh struktur yang ketat (bapa yang suka menguasai keluarga, ibu yang telah didera atau pasif)
- Amat berminat terhadap aktiviti anak perempuan dengan teman lelaki, atau perhubungannya dengan rakan-rakannya yang lain
- Terlalu mengongkong
- Ketidakhadiran ibu atau bapa (kerana sakit tenat, kemurungan, cerai, tinggal berasingan, penyakit dan sebagainya)
- Ibu bapa mempunyai harapan yang tidak realistik atau tidak sesuai untuk anak mereka
- Ketagihan arak

# Pendedahan: Isyarat Daripada Kanak-Kanak Yang Didera Secara Seksual

Terdapat pelbagai cara kanak-kanak mendedahkan yang dia telah didera. Mereka akan menemui anda secara peribadi atau memberitahu anda secara terus terang dan khusus mengenai perkara yang berlaku. Malangnya, cara ini jarang sekali digunakan oleh kanak-kanak semasa pendedahan. Cara-cara yang biasa digunakan termasuklah:

## Memberitahu secara tidak langsung

"Abang Joe tak bagi saya tidur semalam."

"Seluar dalam pakcik kelakarlah."

Kanak-kanak akan memberitahu anda menggunakan cara seperti di atas kerana mereka belum lagi mempelajari perbendaharaan kata yang spesifik untuk menerangkan apa yang berlaku, berasa terlalu malu atau segan untuk memberitahu secara terus, telah berjanji merahsiakan perkara ini ataupun gabungan beberapa sebab yang tersebut tadi.

Secara lembut, cuba galakkan kanak-kanak tersebut memberitahu secara spesifik dengan menggunakan perbendaharaan kata yang difahami olehnya.

## Pendedahan secara tersembunyi

"Saya kenal seorang yang disentuh secara tak baik."

"Apakah akan berlaku kepada seorang budak jika dia memberitahu emaknya yang dia telah diperkosa tetapi emaknya tidak memercayainya?"

Cuba galakkan kanak-kanak tersebut memberitahu anda maklumat yang diketahuinya tentang "budak itu".

Besar kemungkinan, lambat laun kanak-kanak tersebut akan memberitahu anda siapakah "budak itu".

## Pendedahan dengan syarat

"Saya ada masalah tapi jika saya beritahu awak, awak harus berjanji tak akan beritahu orang lain".

Kanak-kanak sedar yang jika dia memecahkan rahsia mengenai penderaan tersebut, sesuatu yang buruk akan berlaku. Kerap kali pendera mengugut kanak-kanak untuk menyimpan rahsia penderaan ini.

Beritahu kanak-kanak tersebut yang anda ingin membantunya dan mengikut undang-undang, anda mesti membuat laporan tentang pendedahan tersebut.

Yakinkan kanak-kanak tersebut yang anda akan menghormati keperluannya untuk merahsiakan perkara ini. Namun anda perlu berbincang tentang penderaan ini dengan pihak yang boleh mengambil tindakan yang sepatut.



**Ingat! Peranan anda bukan untuk menyiasat situasi itu. Adalah tanggungjawab anda untuk melaporkan penderaan, mulakan proses untuk mendapatkan bantuan dan beri sokongan pada kanak-kanak itu.**

## Tindakan yang boleh diambil apabila pendedahan berlaku:

- Cari tempat yang sesuai untuk berbincang dengan kanak-kanak tersebut.
- Bertenang dan yakin diri. Jangan cemas atau menunjukkan yang anda terkejut.
- Jangan jadi penyelamat.
- Jangan buat andaian mengenai perasaan kanak-kanak tersebut.
- Terus kepada perkara yang dibincangkan. Anda haruslah bersikap terbuka dan jujur.
- Anda harus menjelaskan dengan terperinci dan membuat kenyataan-kenyataan yang positif.
- Yakinkan kanak-kanak tersebut yang anda mempercayainya.
- Gunakan perbendaharaan kata kanak-kanak itu.
- Berikan sokongan kepada kanak-kanak, cuba menyenangkannya dan dengar secara aktif.
- Yakinkan kanak-kanak tersebut yang tindakannya memberitahu anda itu adalah betul dan harus dipuji.
- Yakinkan kanak-kanak tersebut yang dia tidak bersalah, dan dia bukanlah seorang budak yang jahat.
- Pastikan keselamatan kanak-kanak tersebut.
- Jangan berjanji untuk merahsiakan perkara ini.
- Beritahu kanak-kanak tersebut apa yang akan berlaku seterusnya; berterus-teranglah dengan kanak-kanak jika anda tidak pasti. Beritahu kanak-kanak yang dia boleh mengharapkan sokongan dan bantuan daripada anda.
- Jangan berurusan dengan pendera sendiri.
- Jangan ambil alih peranan ibu bapa, sebaliknya libatkan mereka dalam proses membantu kanak-kanak tersebut.





- Berikan sokongan kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut dan galakkan mereka memberikan sokongan kepada kanak-kanak itu.
- Galakkan kanak-kanak tersebut menjalani hidup normal semula sementara memberi peluang kepada kanak-kanak tersebut membincangkan tentang penderaan tersebut bila-bila sahaja dia mahu.
- Laporkan kepada pihak berkuasa.

Jika kanak-kanak itu membuat pendedahan semasa belajar, terima pendedahan tersebut dan teruskan kelas anda. Di akhir kelas, cari tempat yang sesuai untuk anda berbincang dengan kanak-kanak tersebut.

**Kes penderaan seksual kanak-kanak perlu dikendali secara sulit. Identiti kanak-kanak tersebut juga perlu dilindungi supaya tidak diganggu secara emosi dan fizikal. Hanya guru-guru yang terlibat sahaja boleh diberitahu tentang perkara ini.**

# Selepas Pendedahan: Bagaimana Dapat Saya Membantu Kanak-Kanak Tersebut?

**H**idup selepas pendedahan mungkin sukar untuk kanak-kanak. Dia akan melalui pelbagai sistem baru yang asing, seperti polis, peguam dan kaunselor. Selepas pendedahan kanak-kanak akan berhadapan dengan pelbagai situasi yang baru seperti berjumpa dengan orang dewasa yang tidak dikenali, bermain dengan permainan baru, bercakap dengan orang yang tidak dikenali dan ditegah daripada berjumpa dengan orang yang disayangi dan dirindui.

Kanak-kanak itu akan merasa hidupnya telah hancur atau dicemari oleh pendera dan berpendapat yang keadaan itu boleh dinampak oleh orang lain. Kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual kerap kali berasa dirinya berbeza daripada kanak-kanak lain. Dia akan mengalami pelbagai emosi yang berbeza. Ini termasuklah:

## Takut

- terhadap pendera
- menimbulkan masalah
- kehilangan orang dewasa yang mereka anggap penting dalam hidup mereka
- dibawa keluar dari rumah
- dirinya berbeza



## Marah


- terhadap pendera
- orang dewasa lain di sekelilingnya yang tidak melindunginya
- diri mereka (berasa mereka telah menimbulkan masalah)

## Terasing

- kerana berasa sesuatu yang tidak kena dengan diri mereka
- kerana berasa yang mereka terpaksa menghadapi masalah ini sendiri
- kerana mereka berasa sukar untuk menceritakan hal penderaan itu

## Sedih

- sesuatu telah diambil daripada mereka
- hilang sebahagian daripada diri mereka
- terlalu cepat membesar
- ditipu oleh orang yang mereka percayai



## Rasa bersalah

- kerana tidak menghentikan penderaan tersebut
- percayai yang mereka telah memberi “persetujuan” dalam penderaan itu
- menyimpan rahsia ini

**Orang dewasa kerap kali memburukkan lagi keadaan ini dengan memberikan layanan yang berbeza kepada kanak-kanak tersebut selepas pendedahan.**

## Malu


- kerana terlibat dalam pengalaman ini
- kerana gerakbalas tubuh mereka terhadap penderaan tersebut

## Keliru

- mereka masih mencintai pendera tersebut
- perasaan mereka kerap kali berubah-ubah

Kerap kali perasaan “berbeza” itu ditunjukkan melalui perubahan dalam tingkahlaku kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak yang menunjukkan tingkah laku yang berikut memerlukan bantuan untuk memulihkan perasaan kekurangan dan bertanggungjawab terhadap perkara yang berlaku:

- Berkhayal: mempercayai yang secara luaran mereka telah berubah, contohnya mereka fikir yang mereka telah mengandung
- Melukis diri mereka tanpa bahagian-bahagian yang telah dicabuli
- Memperlihatkan imej diri yang kurang sihat
- Bimbang dia tidak akan menjadi seorang dewasa yang “normal”
- Mempercayai yang hidupnya tidak sebaik sebelum penderaan tersebut berlaku
- Melihat diri mereka sebagai hodoh
- Menunjukkan rasa bersalah selepas pendedahan, merasakan mereka yang bersalah



# Membantu kanak-kanak selepas pendedahan


Berikut ialah beberapa cadangan untuk membantu kanak-kanak yang telah didera secara seksual:

- Layan kanak-kanak tersebut seperti seorang kanak-kanak.
- Jangan harapkan kanak-kanak itu kelihatan berubah. Masalah yang wujud sebelum pendedahan kerap kali akan berlanjutan.
- Kanak-kanak harus berdamping dengan kanak-kanak yang lain. Galakkannya bermain bersama kanak-kanak lain. Penglibatan dalam kumpulan adalah penting.
- Beritahu kanak-kanak bahawa dia tidak bersalah atas perkara yang berlaku. Ini akan membantu kanak-kanak tersebut membina keyakinan diri jika perkara seumpama ini berulang lagi.
- Dengan memberitahu kanak-kanak yang dia “tidak harus berasa bersalah” mungkin akan menambahkan lagi rasa tidak berupaya kanak-kanak tersebut dan menghalang kanak-kanak tersebut daripada memberitahu tentang perasaan dan fikirannya. Ini dipanggil *Absolve-Complex*. Terima perasaan serba salah kanak-kanak tersebut. Ingatkan kanak-kanak tersebut yang dia tidak bersalah atas perkara yang berlaku. Ini adalah proses untuk membina semula keyakinan diri kanak-kanak tersebut. Dalam proses ini orang yang dapat membantu seorang kanak-kanak akan membolehkan kanak-kanak itu memberi tumpuan dan mengubah perasaan serba salahnya.
- Sekolah memainkan peranan yang penting dalam proses pemulihan. Jangan marah kanak-kanak tersebut kerana tingkah lakunya. Kanak-kanak tersebut mungkin menghadapi kesukaran untuk beramah mesra dengan kanak-kanak lain atau orang dewasa. Daya tumpuan mereka rendah dan keupayaan menyiapkan sesuatu tugas lambat. Ia akan mengambil masa yang panjang untuk memulihkan sindrom mangsa.
- Bantu tingkatkan harga diri kanak-kanak tersebut dengan aktiviti-aktiviti praktikal, yang membawa kepada kejayaan dengan mudah.
- Perbincangan lanjut hanya dijalankan apabila kanak-kanak itu ingin. Yakinkan kanak-kanak yang dia boleh berbincang dengan anda tentang apa sahaja yang merungsingkan hatinya, pada bila-bila masa.
- Beritahu kanak-kanak tersebut apa yang perlu dilakukan jika penderaan seksual berulang lagi.

# Cara Melapor Keganasan Seksual Kanak-Kanak

Jika seorang kanak-kanak disyaki menjadi mangsa penderaan seksual kanak-kanak, dia haruslah dibawa ke salah satu agensi yang berikut:

- Hospital Kerajaan
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Polis



Bab ini akan cuba memberikan gambaran tentang prosedur yang akan dilalui oleh seorang kanak-kanak yang telah didera secara seksual apabila dia dibawa ke agensi-agensi yang berikut:

## Hospital Kerajaan

Setiap hospital kerajaan mempunyai SCAN (Suspected Child Abuse and Neglect) Team yang mengendalikan kes-kes penderaan seksual kanak-kanak. Ia terdiri dari pakar pediatrik, pakar ginekologi, pegawai perubatan sosial, pakar psikiatri, doktor dan jururawat Pusat Khidmat Sepadu (One Stop Crisis Centre).

1. Kanak-kanak didaftar di Pusat Khidmat Sepadu di Jabatan Trauma dan Kemalangan di Hospital Pulau Pinang.
2. Di Pusat Khidmat Sepadu, kanak-kanak diberi rawatan untuk luka.
3. Pakar ginekologi akan datang ke Pusat Khidmat Sepadu dan menjalankan pemeriksaan ke atas kanak-kanak untuk pengesahan penderaan seksual kanak-kanak. Pakar ginekologi ini akan menjalankan pemeriksaan perubatan yang berikut:

- Doktor akan membuat catitan tentang keadaan mental kanak-kanak tersebut, sama ada terkejut, bimbang, sedih.
  - Pembentukan fizikal dibandingkan dengan umur.
  - Pemeriksaan badan dengan teliti untuk kesan luka, terutama di bahagian buah dada dan belakang.
  - Pemeriksaan di bahagian paha dan bahagian sulit terutama untuk kesan darah, air mani dan bahan-bahan asing. Kutipan jari kuku diambil untuk mencari kesan darah, rambut atau tisu di bawah kuku.
  - Jika kanak-kanak berpakaian baju asal yang dipakai semasa peristiwa itu, maka baju tersebut akan diperiksa secara teliti dan dihantar untuk pemeriksaan ahli kimia polis.
  - Pemeriksaan pada bahagian sulit untuk mengenalpasti sama ada bahagian himen mengalami trauma.
  - Pemeriksaan untuk mengenalpasti sama ada terdapat sebarang lelasan dan juga sama ada jangkitan telah berlaku semasa persetubuhan.
  - Jika kanak-kanak itu disyaki hamil maka pemeriksaan kehamilan akan dijalankan.
4. Selepas pemeriksaan jika penderaan seksual disyaki atau disahkan, kanak-kanak tersebut akan dihantar ke wad pediatrik jika ia berumur di bawah 12 tahun. Jika dia berumur lebih dari 12 tahun dia akan di hantar ke wad ginekologi (jika perempuan) atau wad operasi (jika lelaki).
  5. Apabila kanak-kanak dimasukkan ke wad, pekerja sosial perubatan akan memberitahu pegawai kebajikan daerah dan mula menjalankan penyiasatan dengan menemuramah kanak-kanak, doktor pediatrik, doktor ginekologi dan ibu bapa kanak-kanak tersebut.
  6. Semasa di hospital kanak-kanak tersebut akan diberikan rawatan perubatan dan kaunseling. Apabila sudah beransur pulih dan boleh pulang ke rumah, pekerja sosial perubatan dengan pegawai kebajikan daerah bertanggungjawab mencari tempat yang selamat untuk kanak-kanak tersebut.

## Jabatan Kebajikan Masyarakat

Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak tersebut.

1. Apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima laporan kes penderaan seksual kanak-kanak dari pihak hospital, pegawai kebajikan akan pergi ke hospital dan melawat kanak-kanak tersebut. Jika aduan kes penderaan seksual kanak-kanak di buat di JKM, pegawai kebajikan akan membawa kanak-kanak tersebut ke hospital dengan segera atau mengarahkan ibubapa membuat demikian.
2. Di hospital, pemeriksaan dijalankan untuk mengesahkan penderaan seksual telah berlaku.
3. Jika laporan perubatan mengesahkan yang kanak-kanak tersebut telah didera secara seksual, sebuah laporan polis akan dibuat oleh pegawai kebajikan, ibubapa atau pihak hospital.
4. Pegawai kebajikan akan menjalankan penyiasatan ke atas kes tersebut. Dia akan menemuramah kanak-kanak tersebut, ibu bapa, saudara mara, guru (jika kanak-kanak tersebut bersekolah) dan sesiapa sahaja yang ada hubungan dengan situasi tersebut.
5. Selepas siasatan, pegawai kebajikan akan bawa laporannya ke magistret di mahkamah kanak-kanak. Jika didapati bahawa situasi di rumah adalah bahaya iaitu, pendera ialah salah seorang daripada ahli keluarga, maka mahkamah akan mengarahkan pegawai kebajikan menempatkan kanak-kanak tersebut di tempat selamat iaitu di rumah saudara mara atau di rumah kebajikan buat sementara untuk keselamatan kanak-kanak tersebut.
7. Mengikut perintah dari mahkamah, pegawai kebajikan akan melawat kanak-kanak tersebut (di rumah sendiri atau di tempat selamat) untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak tersebut. Jika di perlu, pegawai kebajikan akan memberikan kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga.



# Jabatan Polis

Peranan pihak polis adalah untuk menyiasat aduan dan mengutip bukti untuk pendakwaan saspek.

1. Kanak-kanak yang didera atau disyaki didera akan dibawa oleh ibu/bapa/penjaga atau orang dewasa yang boleh dipercayai (pegawai kebajikan, guru) ke balai polis untuk membuat laporan polis. Laporan akan diterima oleh pegawai polis yang bertugas.
2. Penyiasatan lanjut akan dijalankan oleh seorang pegawai penyiasat yang akan mengambil kenyataan dari si pengadu dan juga membawa kanak-kanak tersebut ke hospital untuk rawatan.
3. Semasa kanak-kanak tersebut ada di hospital, pegawai penyiasat akan teruskan penyiasatannya dengan mengambil kenyataan dari semua orang yang terlibat termasuk saspek.
4. Kadang-kadang saspek dimasukkan ke lokap semasa penyiasatan dijalankan.
5. Selepas penyiasatan, pegawai penyiasat akan menghantar laporannya ke pihak pendakwaraya untuk dipertimbangkan samada kes boleh di bawa ke mahkamah atau tidak.
6. Jika boleh, saspek akan didakwa di mahkamah. Jika tidak, saspek akan dilepaskan.

**Maklumat-maklumat untuk membuat laporan polis****APA**

Apakah yang berlaku?

**BILA**

Bilakah ia berlaku?

**MANA**

Di manakah perkara ini berlaku - lokasi, nama bandar, kampung, jalan, nombor rumah.

**SIAPA**

Siapa yang terlibat, identiti atau diskripsi orang yang disyaki atau saksi.


**BAGAIMANA**

Bagaimana perkara ini berlaku?

**KESAN**

Kerosakan, kehilangan atau luka yang diperolehi.

**Laporan polis boleh dibuat di mana-mana balai walaupun tempat kejadian itu tidak berada dalam kawasan balai itu.**





# Bahagian II

## Pencegahan

Apa yang harus diberitahu  
kepada kanak-kanak 24

Mengajar kanak-kanak kemahiran  
menjaga keselamatan diri 26

Cara berbincang dengan kanak-kanak  
tentang kemahiran keselamatan diri 30

Cara menerapkan kemahiran  
keselamatan diri ke dalam  
matapelajaran sekolah rendah 32



# Apa Yang Harus Diberitahu Kepada Kanak-Kanak

**K**anak-kanak boleh diajar menyayangi dan menghormati badan mereka sendiri. Mereka perlu diberitahu tentang peraturan mengenai cara orang dewasa boleh menyentuh mereka. Ajar mereka cara mengenali sentuhan yang sesuai dan sentuhan yang tidak sesuai. Kanak-kanak biasanya dapat menilai sama ada sesuatu itu betul atau salah, dengan menggunakan perasaan mereka dan mendengar suara naluri mereka.

Berikut adalah beberapa perkara asas yang boleh diajar kepada kanak-kanak:

1. Tubuh badan seorang kanak-kanak adalah istimewa dan adalah hak milik dirinya.
2. Kanak-kanak berhak menentukan siapa yang boleh menyentuh mereka dan cara mereka disentuh. Tiada siapa yang berhak menyentuh bahagian sulit kanak-kanak tanpa kebenarannya. Hanya seorang doktor dan jururawat boleh menyentuh bahagian sulit kanak-kanak untuk tujuan perubatan atau kesihatan.
3. Percayailah rasa hati mereka sendiri tentang seseorang atau sesuatu sentuhan. Dengarlah suara hati mereka.
4. Kanak-kanak berhak berkata “Jangan” kepada sesiapa sahaja yang menyakiti, menakuti atau mengelirukan mereka, walaupun orang dewasa itu ialah seorang yang dia hormat dan percaya. Ajarlah kanak-kanak berkata “Jangan” dengan bersungguh-sungguh.



5. Kanak-kanak berhak bertanya soalan mengenai tingkah laku orang dewasa yang mengelirukannya dan soalan-soalan mereka tidak harusnya diketawakan.
6. Kanak-kanak harus memberitahu sebarang rahsia yang membuat mereka rasa tidak selesa, takut atau keliru. Jika seseorang meminta kanak-kanak menyimpan rahsia mengenai sentuhan atau apa sahaja yang membuatnya berasa tidak selesa, kanak-kanak harus memberitahu seorang dewasa dengan segera.
7. Jika orang yang diberitahu itu tidak mempercayainya, beritahu orang lain. Teruslah memberitahu sehingga kanak-kanak itu mendapat bantuan.
8. Jika terdapat seseorang yang menyentuh dan menyebabkan kanak-kanak berasa tidak selesa, atau berkata sesuatu yang membuat dia berasa tidak senang atau takut, atau mahu menunjukkan sesuatu kepada kanak-kanak itu atau memaksanya membuat sesuatu yang dia tidak mahu, ingatkan mereka bahawa mereka tidak bersalah. Lari dari tempat itu secepat mungkin dan terus memberitahu seorang dewasa.

# Mengajar Kanak-Kanak Kemahiran Menjaga Keselamatan Diri

**P**elajaran kemahiran menjaga keselamatan akan lebih berkesan jika guru membuat persediaan terlebih dahulu. Yang berikut ini adalah beberapa panduan untuk persediaan sebelum mengendalikan pelajaran kemahiran keselamatan diri.

## Anda lebih mengenali pelajar anda

- Guna cara mengajar yang berkesan untuk kelas anda, contohnya, bercerita atau bermain.

## Pilih masa yang sesuai

- Elakkan daripada mengajar pelajaran ini sebelum hujung minggu, cuti, ataupun cuti panjang.
- Jadualkan pelajaran ini sebelum waktu rehat sekolah supaya pelajar berpeluang berbincang dengan anda secara peribadi jika mereka menghadapi masalah atau ingin bertanya soalan.

## Suasana mengajar

- Wujudkan suasana yang sesuai untuk berkongsi pendapat dan mendengar. Ini boleh dilakukan dengan menyuruh pelajar duduk dalam satu bulatan atas lantai atau meletakkan kerusi dalam satu bulatan.
- Mungkin terdapat pelajar yang akan berasa segan atau tidak selesa semasa perbincangan. Cuba yakinkan mereka dengan memberitahu bahawa “ramai orang yang akan berasa segan berbincang tentang isu seks. Perasaan ini sesuatu yang biasa. Namun satu-satunya cara untuk menghalang penderaan seksual adalah dengan berbincang tentangnya”.
- Kanak-kanak mungkin akan bertanya soalan yang anda tidak dapat menjawab. Jangan rasa malu untuk menjawab “Saya tidak tahu”, “Apa pendapat anda”, “Saya akan cari jawapannya untuk anda”. Kesemua ini adalah gerakbalas yang sesuai.

## Perhatikan reaksi pelajar anda

- Semasa mengajar kemahiran keselamatan diri, tumpukan perhatian anda kepada pelajar yang membuat hal dalam kelas, mengelak daripada bertentang mata, jatuh sakit semasa pelajaran dijalankan, tidak memberikan perhatian, atau bertanya soalan atau memberi jawapan yang spesifik, yang menunjukkan dia lebih berpengetahuan dalam topik ini dari pelajar yang lain. Anda mungkin mahu berbincang dengan pelajar tersebut secara peribadi.
- Sebaliknya, mungkin terdapat sebab-sebab lain mereka berkelakuan sedemikian, selain daripada penderaan.
- Jelaskan istilah-istilah yang tidak difahami kanak-kanak.

**Jangan berikan jawapan kepada kanak-kanak tetapi sebaliknya beri masa untuk mereka berfikir dan menjawab dan juga untuk bertanya soalan.**



# Tip-tip mengajar kemahiran keselamatan diri

## **Membina kemahiran assertif**

Ajar kanak-kanak kemahiran bersifat tegas dan juga kemahiran menyelesaikan masalah. Beri peluang pada pelajar untuk berlatih berkata "TIDAK" secara tegas, dengan cara satu lawan satu dan juga dalam kumpulan. Menyuarakan "JANGAN" dengan kuat adalah amat berkesan dan memperkasakan.

## **Memberikan penekanan kepada perkara-perkara yang positif**

Bina keyakinan diri kanak-kanak dengan memberikan pujian yang spesifik.

Bantu kanak-kanak yakin pada kebolehan mereka dan mempercayai rasa hati mereka. Kanak-kanak yang yakin pada diri sendiri lebih berupaya mengelak daripada penderaan.

Elak daripada mengaitkan perkataan "tidak baik" dengan sentuhan, kerana dalam bidang kaunseling, telah didapati bahawa kanak-kanak akan mengenalpasti sentuhan seksual sebagai "tidak baik". Oleh itu adalah lebih elok jika ianya disebut sebagai sentuhan yang **"OK"** dan **"Tak OK"**, **"Selamat"**, **"Tidak selamat"**, **"Tidak Selesa"**, **"Mengelirukan"**.

Untuk mengimbangi perbincangan tentang sentuhan yang **OK** dan **Tak OK**, akhiri perbincangan anda dengan memberikan contoh sentuhan yang **OK**, iaitu sentuhan yang menunjukkan kasih sayang.

Gunakan cara penyampaian yang kreatif dan yang menyeronokkan semasa mengajar pelajaran kemahiran keselamatan diri.

## Suara Hati

Kanak-kanak perlu diajar untuk mengenalpasti suara hati mereka dan juga menerangkan kepada mereka bahawa dengan mendengar rasa hati, mereka akan dapat merasakan sesuatu yang tidak betul. Di sini diberikan satu cara untuk memulakan perbincangan untuk topik ini:

## Perbincangan

Suara hati memberikan tanda amaran kepada seseorang tentang sesuatu yang kena atau yang tidak kena. Kita harus belajar yakin pada tanda amaran ini (suara hati kita).

Takut, gelisah dan bimbang ialah tanda amaran yang memberitahu kita ada sesuatu yang tidak kena. Contoh:

- Bila kita melihat ular di atas jalan, kita merasa takut. Ini tanda amaran yang memberitahu ada sesuatu yang tidak kena.



Perasaan seronok dan selesa menandakan semuanya dalam keadaan baik. Contoh:

- Apabila ibu memeluk dan mengucapkan selamat malam anda merasa gembira dan selesa.

**Adalah penting memberitahu kanak-kanak yang apabila suara hati mereka memberitahu ada sesuatu yang tidak kena, mereka harus memberitahu orang dewasa yang mereka percayai dengan segera.**

# Cara Berbicara Dengan Kanak-Kanak Tentang Kemahiran Keselamatan Diri

Ibu-bapa, guru dan orang dewasa yang prihatin akan mengajar kanak-kanak tentang keselamatan semasa menunggang basikal, semasa di dalam air, dan juga semasa di jalanraya. Dengan ini kanak-kanak tidak akan berasa takut berbasikal, bermain di kolam renang, atau semasa melintas jalan. Kemahiran menjaga keselamatan diri dapat diajar dengan cara yang sama, iaitu secara berterus terang. Berikut adalah beberapa cadangan cara untuk berbincang dengan kanak-kanak mengenai kemahiran keselamatan diri:

Turut membincangkan garis panduan cara menjaga keselamatan diri semasa anda bercakap tentang keselamatan-keselamatan yang lain.

"Jika adik berasa tidak selesa bila disentuh oleh orang yang lebih tua daripada anda, adik mesti beritahu saya atau seorang yang adik percaya tentang sentuhan itu. Kami akan percaya adik dan akan membantu adik menghentikan sentuhan itu."

Ulangi garis panduan untuk menjaga keselamatan diri:

"Jangan simpan rahsia mengenai sentuhan".

"Orang dewasa biasanya tidak perlu menyentuh bahagian sulit kanak-kanak kecuali untuk tujuan kesihatan atau kebersihan".

"Jangan sekali-kali pergi ke sesuatu tempat atau menaiki kereta dengan orang dewasa yang adik tidak kenal, biar apapun yang mereka beritahu adik".



"Jika anda rasa ada sesuatu yang tidak kena, yakinlah pada suara hati dan pertimbangan anda".

Lakonkan "Apa kata jika" untuk berlatih membuat keputusan:

"Apa kata jika semasa adik sedang bermain, seorang lelaki atau seorang perempuan cuba mengajak adik menaiki keretanya?"

"Apa kata jika saya dan adik berpisah semasa di pusat membeli belah?"

"Apa kata jika seorang yang adik kenal menyentuh adik dengan cara yang mengelirukan dan menyuruh adik merahsiakannya?"

"Apa kata jika seorang yang lebih tua memberi adik wang (atau sesuatu yang anda benar-benar mahu). Adakah adik akan melupakan garis panduan keselamatan diri?"

Membantu kanak-kanak membina sikap tegas. Berlatih menjawab secara lisan:

"JANGAN!"

"Saya tak suka itu!"

"Jangan ganggu saya!"

"Saya tak dibenarkan buat begitu."

"Saya tak mahu."

Berlatih bertindak balas secara tidak lisan:

Menolak tangan mereka, melarikan diri, beredar dari tempat itu, berdiri tegak, menegakkan bahu, memandang tepat matanya, menggelengkan kepala.


# Cara Menyerapkan Kemahiran Keselamatan Diri Ke Dalam Matapelajaran Sekolah Rendah

**B**ab ini akan memberikan beberapa cadangan cara menyerapkan pelajaran menjaga keselamatan diri ke dalam kurikulum sekolah rendah.

Contoh-contoh yang diberikan ialah untuk Darjah Satu, Darjah Dua, dan Darjah Tiga sahaja. Guru-guru yang mengajar Darjah Empat, Darjah Lima dan Darjah Enam boleh menggunakan maklumat yang diberi ini sebagai garis panduan untuk mencipta cara mereka sendiri mengajar kemahiran menjaga keselamatan diri.

Empat mata pelajaran utama telah dikenalpasti:

1. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
2. Pelajaran Bahasa (Bahasa Malaysia dan Inggeris)
3. Moral
4. Seni



Guru boleh mengajar kanak-kanak kemahiran keselamatan diri dengan cara yang kreatif dengan menggunakan permainan dan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan. Bab III buku panduan ini memberikan beberapa contoh aktiviti dan permainan yang boleh digunakan oleh guru semasa mengajar pelajaran ini.

**Guru digalakkan menggunakan aktiviti yang diberikan atau mencipta sendiri permainan yang menyeronokkan.**

# Matapelajaran: Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Pelajaran kemahiran menjaga keselamatan diri boleh diserapkan ke dalam matapelajaran ini menggunakan unit-unit yang berikut:

1. Pergerakan dan Reaksi
2. Keselamatan Diri
3. Keselamatan di Rumah
4. Keselamatan di Sekolah
5. Badan dan Naluri atau Menyayangi Jasad Saya

## 1. Pergerakan dan reaksi

Semasa mengajar unit ini guru boleh mengambil peluang menyerapkan pelajaran kemahiran keselamatan diri dalam pelajaran dengan membincangkan cara-cara kanak-kanak boleh bergerak menggunakan tubuh badan dan juga suara mereka untuk menyelamatkan diri jika mereka disentuh secara tidak senonoh, mengelirukan atau ada orang mengambil kesempatan ke atas mereka.

Berikut adalah contoh cara guru dapat menyerapkan kemahiran keselamatan diri ke dalam pelajaran:

Tunjukkan kepada pelajar gambar yang menunjukkan aktiviti sentuhan (yang OK dan Tak OK) atau minta kanak-kanak lakonkan adegan yang melibatkan sentuhan. Contoh:

- Ibu memeluk anda (sentuhan OK)
- Abang anda cuba memasukkan tangannya ke dalam seluar anda

Bincang dengan kanak-kanak tentang perasaan mereka jika disentuh seperti dalam contoh A dan dalam contoh B. Bincangkan juga reaksi/tindakan mereka.

Di akhir aktiviti, rumuskan perbincangan dengan mengulangi langkah-langkah keselamatan yang telah dibincang. Imbangi contoh sentuhan yang OK dengan sentuhan yang Tak OK.

Aktiviti seperti ini akan menolong kanak-kanak mengenalpasti sentuhan yang OK dan Tak OK dan juga memberi peluang kepada mereka menerokai langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelak diri daripada situasi yang berbahaya. Ia juga akan menolong membina keyakinan diri kanak-kanak dalam menangani situasi yang berbahaya.

**Lihat Bahagian III - Gerak Kumpulan Dinamik untuk permainan dan aktiviti.**

## 2. Keselamatan diri

Kemahiran menjaga keselamatan diri boleh diajar melalui unit ini dengan cara berbincang dengan kanak-kanak situasi-situasi yang boleh membawa kepada penderaan seksual dan juga cara-cara bertindak bijak mengelak situasi yang bahaya. Aktiviti seperti ini dapat meningkatkan keperihatinan kanak-kanak tentang keselamatan diri.

Berikut diberikan contoh cara menjalankan perbincangan tentang keselamatan bersama kanak-kanak. Perbincangan boleh dijalankan dengan mengemukakan situasi yang boleh membawa kepada bahaya dan langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil.

### **Situasi yang boleh membahayakan**

---

*Bercakap dengan orang tidak dikenali dan memberikan butir peribadi seperti nama anda, alamat, tempat ibu bapa bekerja, nombor telefon rumah dan sebagainya.*

*Bersendirian di tempat yang gelap dan sunyi.*

*Contohnya: berjalan seorang diri di lorong gelap.*

*Seseorang menyentuh anda di bahagian badan anda dan anda merasa tidak selesa.*

**Lihat Bahagian III – Gerak Kerja Dinamik untuk contoh Permainan dan Aktiviti**

### **Langkah-langkah keselamatan**

---

- Jangan bercakap dengan orang yang tidak dikenali.
- Beritahu orang itu dengan sopan yang anda tidak dibenarkan bercakap dengan orang yang tidak dikenali dan terus berjalan.
- Segera beritahu seorang dewasa yang dipercayai tentang perkara ini.

Seseorang yang tidak dikenali boleh memanipulasikan butir-butir peribadi yang diberikan untuk mendapat kepercayaan kanak-kanak dan kemudiannya mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi kanak-kanak itu.

- Selalu berjalan dalam kumpulan.
- Elakkan tempat yang gelap dan sunyi.
- Beritahu orang dewasa yang anda percayai sebelum ke mana-mana dan jalan mana yang akan diambil.
- Cuba berjalan di belakang orang lain.

- Katakan "JANGAN, saya tidak mahu disentuh!" dengan kuat dan tegas.
- Jika ini tidak berjaya, beritahu orang dewasa yang dipercayai dan minta pertolongannya untuk memberhentikan sentuhan begitu.
- Jika orang yang anda beritahu tidak percaya pada anda, jangan kecewa. Minta bantuan pada orang lain. Beritahu seberapa ramai orang yang boleh sehingga ada orang yang dapat membantu anda menghentikan perbuatan itu.

### 3. Keselamatan di rumah

Melalui unit ini guru boleh berbincang dengan kanak-kanak tentang kepentingan menjaga keselamatan diri semasa di rumah disamping memupuk kesedaran tentang situasi di rumah yang boleh membawa kepada penderaan seksual.

Ini boleh dilakukan dengan mengajar kanak-kanak mengenalpasti situasi yang berbahaya dan cara menjauhkan diri daripada keadaan yang tidak selamat.

Berikut adalah contoh aktiviti yang boleh dijalankan bersama kanak-kanak. Selain daripada contoh yang diberikan di bawah ini, terdapat aktiviti lain yang boleh digunakan semasa pengajaran kemahiran menjaga keselamatan diri, di bahagian Gerak Kerja Dinamik.

#### **Keadaan yang membawa kepada penderaan seksual**

*Membenarkan orang yang tidak dikenali ataupun kawan masuk ke dalam rumah semasa ibu bapa kamu tiada di rumah.*

*Memberi maklumat peribadi kepada orang yang tidak dikenali atau kawan yang menelefon.*

*Ada orang (seseorang ahli keluarga / kawan) menyentuh anda / melakukan sesuatu yang membuatkan anda rasa tidak selesa.*

#### **Langkah-langkah mengelak**

- Jangan benarkan kawan atau orang yang tidak dikenali masuk ke rumah jika ibu bapa anda tiada.
- Minta mereka datang semula semasa ibu bapa kamu ada di rumah.
- Jangan beri maklumat peribadi kepada orang yang tidak dikenali atau kawan.
- Jangan beritahu yang anda berseorangan di rumah.
- Beritahu pemanggil yang ibu bapa kamu sibuk dan minta pemanggil telefon sekali lagi.

- Pandang matanya dan katakan "JANGAN!" dengan tegas dan kuat.
- Beritahu orang dewasa tentang kejadian ini. Jika orang yang anda beritahu tidak mempercayai anda, jangan kecewa. Minta bantuan orang lain. Beritahu seramai orang yang boleh sehingga ada orang yang boleh membantu menghentikan perbuatan itu.



#### **4. Keselamatan di sekolah**

Guru boleh menggunakan unit ini untuk membincangkan tentang garis panduan keselamatan yang sedia ada di sekolah. Tanam kesedaran di kalangan kanak-kanak mengenai isu keselamatan semasa di sekolah dan ajar mereka cara bertindak bijak menjaga keselamatan diri.

Beberapa garis panduan keselamatan semasa di sekolah yang boleh dibincang bersama kanak-kanak:

- Galakkan pelajar berjalan dalam kumpulan ketika berada di dalam perkarangan sekolah, terutama sekali semasa hendak ke tandas.
- Galakkan pelajar memberitahu guru dengan segera jika mereka nampak orang yang tidak dikenali berada di perkarangan sekolah.
- Berbincang dengan pelajar tentang tempat yang selamat dan yang tidak selamat di kawasan sekolah.
- Galakkan pelajar memberitahu orang dewasa yang dipercayai dengan segera jika mereka menghadapi “masalah sentuhan”.

#### **5. Tubuh dan Naluri Kita dan Menjaga Tubuh Saya**


Salah satu aspek penting pelajaran kemahiran keselamatan diri adalah mengajar kanak-kanak tentang tubuh badan mereka dan juga membantu kanak-kanak memahami dan menghormati tubuh mereka dan tubuh orang lain. Ini boleh dilakukan melalui kedua unit Jasad dan Naluri dan unit Menjaga Tubuh Saya.

Guru boleh mengajar kanak-kanak mengenalpasti dan menggunakan perkataan yang betul untuk bahagian-bahagian tubuh terutamanya bahagian sulit. Ini amat penting kerana pengetahuan dan keupayaan untuk mengenalpasti bahagian-bahagian tubuh akan membolehkan kanak-kanak menggunakan perbendaharaan kata yang tepat jika penderaan seksual berlaku.

Ajarlah kanak-kanak menggunakan istilah-istilah yang betul. Elak daripada menggunakan bahasa slanga atau nama gelaran. Contohnya:

- bahagian sulit lelaki (zakar) bukannya *cuckoo bird/ burung*
- faraj bukannya *pok-pok*
- punggung bukannya *bawah*
- buah dada bukannya payu dara
- buah zakar bukannya *bola*

Kanak-kanak perlu sedar yang tubuh mereka adalah hak mereka dan tiada siapapun yang berhak menyentuh mereka kecuali jika mereka mahu disentuh.



Terangkan kepada kanak-kanak bahawa terdapatnya bahagian-bahagian tertentu badan iaitu buah dada, faraj, dan zakar yang dianggap istimewa dan harus dijaga dengan baik. Orang lain hanya dibenarkan sentuh bahagian-bahagian ini untuk tujuan kesihatan dan kebersihan sahaja contoh:

- Doktor menyentuh anda untuk mencuci luka – *atas sebab kesihatan.*
- Ibu menyalin lampin bayi – *atas sebab kebersihan.*

Ingatkan pelajar yang mereka mempunyai hak ke atas tubuh mereka. Jika ada orang menyentuh mereka dengan cara yang tidak disenangi, mereka mesti kata “JANGAN”. Galakkan kanak-kanak memberitahu orang dewasa yang mereka percaya jika mereka berasa tidak senang atau keliru tentang sesuatu sentuhan.

Kami cadangkan supaya guru menggunakan anak patung atau lukisan tubuh manusia untuk pelajaran ini. Guru juga boleh menggunakan contoh-contoh yang terdapat dalam bahagian Gerak Kerja Dinamik seperti muzik, nyanyian dan pergerakan atau aktiviti yang menyeronokkan supaya pelajaran lebih menarik.

**Lihat Bahagian III – Gerak Kerja Dinamik untuk contoh Permainan dan Aktiviti**

# Matapelajaran: Bahasa Inggeris / Bahasa Malaysia

Pelajaran kemahiran menjaga keselamatan diri boleh diserapkan ke dalam matapelajaran bahasa Inggeris/bahasa Malaysia menggunakan unit-unit yang berikut:

- Ucap Selamat
- Butir-butir Peribadi
- Ahli Keluarga
- Tubuh Saya
- Memberi Arahan

## 1. Ucap Selamat

Dalam unit ini, di samping mengajar tentang cara memberi salam kami menggalakkan guru membincang dengan kanak-kanak tentang bahaya bercakap dengan orang yang tidak dikenali dan juga tindakan yang perlu diambil jika seorang yang tidak dikenali oleh kanak-kanak menegur mereka:

Contoh:

Galakkan kanak-kanak berbincang dan berlatih reaksi mereka untuk setiap situasi yang diberikan.

### Situasi Reaksi

---

*Jika orang yang anda tidak kenal mengajak anda menaiki keretanya.*

---

- Katakan "TIDAK MAHU" dan terus beredar.
  - Segera beritahu orang dewasa yang dipercayai.
- 

*Jika orang yang anda tidak kenal mengajak anda ke suatu tempat. Beredar dari tempat itu dengan segera.*

---

- Beritahu orang itu anda tidak dibenarkan mengikut orang yang tidak dikenali.
  - Beritahu orang dewasa yang di percayai dengan segera.
- 


*Jika orang yang tidak kenali bertanyakan nama, alamat, nombor telefon anda*

---

- Jangan jawab.
  - Beredar dengan segera dan beritahu orang dewasa yang anda percaya dengan segera.
- 

Guru boleh menggunakan pendekatan yang lebih menarik iaitu lakonan, permainan anak patung dan bercerita.

**Lihat Bahagian III - Gerak Kerja Kumpulan Dinamik untuk Permainan dan Aktiviti**



## 2. Butir-butir peribadi

Gunakan unit ini untuk menerangkan kepada pelajar tentang bahaya memberikan butir-butir peribadi kepada orang yang tidak dikenali.

Contoh:

- Jangan sekali-kali memberitahu orang yang anda tidak kenali nama anda, nombor telefon rumah, bilangan orang yang tinggal di rumah, pukul berapa ibu bapa pergi dan pulang kerja.
- Jika ada panggilan telefon semasa anda berseorangan di rumah, jangan sekali-kali memberitahu pemanggil yang tiada sesiapa di rumah.
- Jangan benarkan sesiapa masuk ke rumah jika anda berseorangan. Minta orang itu datang kemudian.

Di akhir perbincangan, guru diminta membuat ulasan perbincangan.

Kami menggalakkan guru menggunakan cara persembahan yang lebih menarik seperti bercerita dan permainan papan.

## 3. Ahli Keluarga

Unit ini boleh digunakan untuk mengajar tanggungjawab setiap ahli keluarga dan untuk mengenalpasti orang dewasa yang mereka percayai dalam keluarga yang dapat membantu mereka jika mereka menghadapi “masalah sentuhan”.

Guru boleh juga menggunakan unit ini untuk berbincang dengan cara yang sensitif tentang sumbang mahram.

Jadikan pelajaran ini menarik dengan menggunakan aktiviti yang menyeronokkan.

**Lihat Bahagian III-Gerak Kerja Kumpulan Dinamik  
untuk Permainan dan Aktiviti**

## 4. Tubuh Saya

Untuk mendapatkan penerangan bagaimana guru boleh menyerapkan kemahiran keselamatan dalam unit ini, sila rujuk kepada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, di bawah unit Tubuh dan Naluri Kita/ Menjaga Tubuh Kita (ms. 36).

## **5. Memberi Arahan**

Kes penderaan seksual kanak-kanak mesti dilaporkan. Seorang kanak-kanak yang mengalami penderaan akan menghadapi masalah:

- Menerima kenyataan tentang apa yang telah terjadi.
- Memahami apa yang telah terjadi.
- Memberitahu perkara yang telah terjadi.

Amat penting guru memberitahu kanak-kanak yang mereka perlu memberitahu seorang dewasa yang mereka percaya jika mereka didera secara seksual.

Unit ini boleh digunakan untuk melatih kanak-kanak cara:

- Untuk melaporkan kepada Guru.
- Untuk melaporkan kepada Guru Besar.
- Untuk melaporkan kepada Polis.

Pelajaran ini boleh disampaikan dengan cara berlakon, permainan anak patung, atau bercerita.

## Matapelajaran: Senilukis

Pelajaran senilukis merupakan satu cara yang menarik dan kreatif untuk meningkatkan kesedaran kanak-kanak tentang penderaan seksual.

Dengan menggunakan senilukis sebagai perantaraan, pelajar diberi peluang untuk berfikir secara kritikal tentang isu ini dan juga meluahkan perasaan dengan cara yang kreatif.



Mulakan pelajaran dengan berbincang dengan pelajar tentang isu ini terlebih dahulu, kemudian minta pelajar membuat:

- Poster mengenai penderaan seksual kanak-kanak dan langkah-langkah keselamatan.
- Risalah-risalah mengenai penderaan seksual kanak-kanak dan langkah-langkah keselamatan.
- Permainan untuk mengajar kanak-kanak dan ibu bapa tentang penderaan seksual kanak-kanak.

Senilukis juga boleh digunakan untuk membantu kanak-kanak meneroka perasaan mereka tentang sesuatu isu. Selepas berbincang tentang sesuatu topik, minta mereka melukis atau membuat kolaj.

Contoh:

Apa yang akan terjadi jika:

- Menaiki kereta orang yang tidak dikenali.
- Mengambil gula-gula dan minuman dari orang yang tak dikenali.
- membenarkan orang yang tak dikenali masuk ke rumah.

Guru juga boleh memikirkan topik-topik yang lain juga. Perbincangan dengan pelajar tentang hasil kerja mereka selepas setiap sesi adalah penting. Ini memberikan ruang untuk guru berbincang dengan kanak-kanak tentang idea-idea dan elemen-elemen penting mengenai isu keselamatan.

# Matapelajaran: Pendidikan Moral

Guru mempunyai peluang yang luas untuk menyerapkan pelajaran kemahiran keselamatan peribadi dalam pendidikan Moral. Berikut unit-unit yang telah dikenalpasti:

- Rasa hormat
- Kasih sayang
- Keberanian
- Hidup berk komuniti / bermasyarakat

## **1. Rasa hormat**

Guru-guru boleh menggunakan unit ini untuk mengajar pelajar tentang kepentingan menghormati tubuh badan masing-masing.

Bincang juga dengan kanak-kanak tentang hak mereka ke atas tubuh badan sendiri.

Ajar pelajar berkata “JANGAN” jika seseorang mencabuli badan mereka dan untuk memberitahu orang dewasa yang mereka percaya dengan segera.

Guru bolehlah menggunakan aktiviti yang menyeronokkan atau nyanyian dan pergerakan yang terdapat dalam Bahagian III manual ini semasa mengendalikan pelajaran ini.

## **2. Kasih sayang**


Guru boleh menggunakan topik ini untuk mewujudkan kesedaran mengenai sumbang mahram. Ini boleh dilakukan dengan menerangkan peranan setiap ahli keluarga dan berbincang tentang hubungan keluarga yang sihat. Beritahu kanak-kanak yang jika terdapat ahli keluarga membuat sesuatu yang menyebabkan mereka rasa tidak senang, mereka mesti memberitahu dengan segera kepada orang dewasa yang mereka percaya.

Berikut diberikan contoh-contoh yang boleh anda gunakan semasa perbincangan:

- Seorang ahli keluarga yang dewasa memaksa anda menyimpan rahsia yang membuat anda rasa tidak senang.
- Seorang ahli keluarga yang dewasa menyentuh bahagian-bahagian sulit anda.

Bincang dengan kanak-kanak tindakan yang boleh diambil oleh mereka jika situasi-situasi seperti di atas berlaku kepada mereka. Di akhir pelajaran buat ulasan cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh kanak-kanak.

Guru boleh menggunakan permainan peranan, bercerita dan permainan boneka untuk menjadikan kelas lebih menarik.



### 3. Keberanian

Guru boleh menggunakan unit ini untuk membina sikap keberanian supaya mereka tidak berasa takut untuk meminta pertolongan dari ibu bapa, guru, pegawai polis atau kawan jika mereka menghadapi masalah.

- Beritahu kanak-kanak bahawa apabila seseorang mencabul mereka secara seksual, mereka tidak bersalah. Si pencabul yang bersalah.
- Galakkan pelajar memberitahu seberapa ramai orang yang boleh sehingga ada orang yang membantu mereka.

### 4. Hidup berkomuniti / Bermasyarakat

Guru boleh menggunakan unit ini untuk mewujudkan kesedaran tentang isu-isu sosial dalam masyarakat.


Ini boleh dilakukan dengan memilih satu topik yang anda rasa ada berkaitan dan berbincang isu itu dengan kanak-kanak, contohnya:

- Penderaan seksual kanak-kanak
- Kanak-kanak yang hilang
- Lari dari rumah
- Tidak balik rumah hingga jauh malam

Beri peluang kepada kanak-kanak untuk meluahkan perasaan mereka tentang isu ini. Jangan berikan jawapan kepada mereka sebaliknya galakkan mereka berbincang sesama mereka.

Bincang juga tentang tindakan yang akan diambil jika mereka berada di dalam situasi-situasi yang dibincangkan. Untuk menjadikan pelajaran itu lebih menarik, minta kanak-kanak melakonkan reaksi mereka.





# Bahagian III

## **Permainan & Aktiviti**

Permainan dam ular 46

Permainan boneka 49

Situasi-situasi lakon-peranan 53

Aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan 57

Muzik, nyanyian dan pergerakan 59

Bercerita 61



# Permainan Papan (Dam Ular)

Permainan papan merupakan salah satu cara yang menarik untuk kanak-kanak mengajar pelajaran keselamatan diri. Cara ini juga memberi peluang kepada guru beralih dari cara mengajar yang formal.

## Garis Panduan


1. Bahagikan kanak-kanak ke dalam kumpulan yang terdiri dari 6 orang.
2. Tempatkan setiap kumpulan dalam satu bulatan.
3. Baca panduan permainan kepada kanak-kanak dan pastikan mereka memahami cara bermain permainan ini.
4. Selepas permainan, beri masa yang cukup untuk berbincang dengan kanak-kanak tentang apa yang telah mereka pelajari tentang kemahiran keselamatan diri. Ajak mereka berkongsi dengan rakan-rakan mereka yang lain tentang kemahiran keselamatan lain yang mereka tahu.

## Cara bermain










Untuk bermain dam ular, anda memerlukan:

- Butang yang berlainan warna
  - Dadu
  - 5 – 6 orang untuk bermain
1. Setiap pemain akan diberi satu butang yang akan diletakkan dalam kotak permulaan papan dam.
  2. Pemain pertama akan melempar dadu dan menggerakkan butangnya di atas papan dam mengikut angka yang ditunjukkan oleh dadu, contohnya:
    - Jika dadu menunjukkan 6, gerakkan butang 6 kotak ke hadapan.
    - Jika dadu menunjukkan 3, gerakkan butang 3 kotak ke hadapan.

3. Jika pemain sampai ke kotak yang mempunyai kaki tangga, markah bonus akan diberikan. Baca mesej dalam kotak, yang menerangkan sebab markah bonus diberi dan gerakkan butang ke kotak yang mempunyai kepala tangga.
4. Jika butang berhenti di kotak yang mempunyai ekor ular, pemain akan kehilangan mata. Baca mesej dalam kotak itu untuk mengetahui kenapa pemain kehilangan mata dan turunkan butang mengikut badan ular ke kotak yang mempunyai kepala ular.
5. Pemain pertama yang berjaya menyempurnakan permainan ini ialah pemenang.



# Dam Ular

<p><b>37</b> </p>	<p><b>38</b></p>	<p>Anda bercakap dengan orang yang tidak dikenali</p>	<p><b>40</b></p>	<p><b>41</b></p>	<p>Tahniah! Anda telah berjaya menamatkan Pelajaran Keselamatan Diri</p>
<p>Anda mengetahui nombor telefon balai polis yang terdekat</p> <p><b>36</b></p>	<p><b>35</b></p>	<p><b>39</b> </p>	<p><b>40</b></p>	<p><b>41</b> </p>	<p>Anda berjalan bersendirian di tempat gelap</p> <p><b>31</b></p>
<p><b>25</b></p>	<p><b>26</b></p>	<p><b>27</b> </p>	<p>Beritahu "TIDAK" kepada orang yang menyentuh bahagian sulit anda</p> <p><b>28</b></p>	<p><b>29</b> </p>	<p><b>30</b></p>
<p><b>24</b></p>	<p><b>23</b></p>	<p>Berjalan dalam kumpulan, bukan berseorangan</p> <p><b>22</b></p>	<p><b>21</b></p>	<p><b>20</b></p>	<p>Anda menaiki kereta orang yang tidak dikenali</p> <p><b>19</b></p>
<p><b>13</b></p>	<p><b>14</b></p>	<p><b>15</b> </p>	<p><b>16</b></p>	<p><b>17</b></p>	<p>Anda memberitahu alamat rumah kepada orang yang tidak dikenali</p> <p><b>18</b></p>
<p><b>12</b></p>	<p><b>11</b></p>	<p><b>10</b> </p>	<p><b>9</b></p>	<p>Anda membenarkan orang yang tidak dikenali masuk rumah</p>	<p><b>7</b> </p>
<p><b>MULA</b></p> <p><b>1</b></p>	<p><b>2</b></p>	<p>Jangan beritahu alamat rumah kepada orang yang tidak dikenali</p> <p><b>3</b></p>	<p><b>4</b> </p>	<p><b>5</b></p>	<p><b>6</b></p>

# Permainan Boneka

Permainan boneka merupakan satu cara yang kreatif untuk mengajar kanak-kanak kemahiran keselamatan diri. Untuk menjalankan lakonan boneka, guru memerlukan boneka. Jika tidak terdapat boneka guru boleh membuat boneka sendiri menggunakan stokin dan dua butang (untuk mata).

## Garis panduan

1. Minta pelajar duduk dalam bulatan, lebih sesuai jika mereka duduk di atas lantai.
2. Guru perlu duduk di tengah bulatan. Pastikan semua kanak-kanak dapat melihat guru.
3. Minta dua orang kanak-kanak untuk membantu:
  - Seorang tukang cerita
  - Seorang dalang boneka
4. Lakonkan skrip dan kemudian berbincang dengan kanak-kanak isu dan tindakan yang mungkin di ambil dalam situasi ini.

Berikut diberikan contoh-contoh skrip lakonan boneka untuk guru:

### Skrip Lakonan Boneka I

#### *MENJAUHKAN DIRI*

**Tukang cerita** : Terdapat berbagai-bagai cara untuk menjauhkan diri. Kadang kala kita perlu menjauhkan diri daripada seseorang yang kita kenal dan suka, tetapi yang menyentuh kita dengan cara yang tidak kita senangi.

**Guru** : Hi, (nama boneka). Adik kelihatan cantik hari ini. Saya mahu peluk adik! (memeluk boneka).

**Boneka** : Tidak mahu! Hentikan (menjauhkan diri sedikit).

**Guru** : (melepaskan pelukan) Adik tak mahu dipeluk hari ini?

**Boneka** : Tidak mahu! Saya tidak mahu dipeluk hari ini. Buat masa sekarang saya tidak suka.

- Guru** : Baiklah, tidak apa. Saya tidak akan memeluk adik kecuali adik memberitahu saya yang adik mahu dipeluk. Lagipun tubuh adik adalah hak adik, dan bukan hak orang lain.
- Tukang cerita** : Kadang-kadang kita perlu mengelakkan diri daripada orang yang menghampiri kita supaya orang itu tidak dapat menyentuh kita contohnya apabila seorang yang tidak dikenali berhenti untuk bertanya soalan lalu menyentuh kita. Kita boleh mengelakkan diri dengan segera beredar supaya orang itu tidak dapat mendekati dan menyentuh kita.
- Guru** : Hi, si adik comel, mari ke sini sekejap.
- Boneka** : (beredar supaya tidak dapat didekati).
- Guru** : Marilah! Saya cuma hendak bertanya sesuatu.
- Boneka** : (beredar lebih jauh).
- Tukang cerita** : Inilah masanya untuk (nama boneka) beredar lebih jauh lagi. Kita boleh menjawab pertanyaannya dari jauh supaya orang itu tidak dapat menyentuh kita.
- Tukang cerita** : Kadang-kadang kita mesti beredar jauh dari pandangan. Kita mungkin mahu menjauhkan diri dari seseorang yang memukul, mencubit, menendang, cuba menolak kita hingga jatuh, atau menakutkan kita. Jika boleh, kita mahu menjauhkan diri bila seseorang mahu menyentuh bahagian sulit kita atau menyuruh kita menyentuh bahagian sulitnya. Kita cuba menjauhkan diri apabila orang yang tidak dikenali mengikut kita atau menghampiri kita atau menyuruh kita memasuki keretanya.
- Pelajar** : (Minta seorang pelajar berlakon sebagai orang yang tidak dikenali oleh boneka). Hi, si adik yang comel, mari ikut saya. Saya belanja adik aiskrim (merapati boneka).
- Boneka** : Tidak mahu! Jangan! (terus berlari).
- Pelajar** : Tunggu! Saya cuma belanja awak aiskrim (bergerak ke arah boneka).
- Boneka** : (Terus berlari) TIDAK MAHU!

## Skrip Lakonan Boneka 2

### *MEMBERITAHU SESEORANG*

**Tukang cerita** : Apabila kita tidak suka, berasa tidak senang atau berasa keliru dengan cara seseorang menyentuh kita, kita perlu berkata “Jangan”, “Hentikan”, terus beredar dari tempat itu dan segera beritahu seseorang.

Adalah amat penting kita memberitahu seseorang jika kita perlukan pertolongan untuk menghentikan sentuhan yang kita tidak suka, cara seseorang menyentuh kita atau jika orang yang menyentuh kita meminta kita merahsiakan perkara ini.

Kadang-kadang kita boleh menghalang sentuhan yang kita tidak suka tanpa pertolongan. Kita boleh menghentikannya sendiri. Kita tidak perlu selalu memberitahu seseorang dengan serta merta. Kita mungkin mahu menunggu untuk memberitahu seseorang kemudian nanti.

**Boneka** : (Dengan gembira) Saya rasa gembira kerana bila Fatimah menarik rambut saya, saya kata “JANGAN! HENTIKAN!”, dan terus beredar. Saya berjaya menghentikan sentuhan yang saya tidak suka tanpa bantuan. Saya tidak perlu memberitahu sesiapa buat masa ini. Mungkin saya akan memberitahu ibu kemudian.



**Tukang cerita** : Kadang-kadang kita perlu memberitahu seseorang mengenai sentuhan yang kita tidak suka jika kita sendiri tidak dapat menghentikannya. Kita memberitahu seseorang supaya ada orang yang tahu tentangnya.


**Boneka** : Pak Cik Din !/ Mak Cik Esah!

**Guru** : Ada apa (nama boneka)?

**Boneka** : Semasa bermain tadi Joe pukul saya. Saya tak suka. Saya hentikan perbuatannya dengan berkata “JANGAN! HENTIKAN!” dan terus beredar.



# JANGAN! HENTIKAN!



**Guru** : Terima kasih kerana memberitahu makcik/pakcik, (nama boneka). Makcik/Pakcik gembira adik berjaya menghentikan sentuhan yang adik tidak suka.

**Tukang cerita** : Ada satu lagi cara untuk memberitahu, iaitu semasa kita benar-benar perlukan pertolongan untuk menghentikan sentuhan yang kita tidak suka.

Apabila seseorang menyentuh bahagian sulit kita atau menyuruh kita menyentuh bahagian sulitnya, kita perlu beritahu tentang perkara ini kepada orang yang kita percayai, kerana kita memerlukan pertolongan untuk menghentikan sentuhan itu.

Apabila seseorang menyakiti kita, kita perlu beritahu seseorang kerana kita memerlukan bantuan untuk menghentikannya. Jika seseorang meminta kita merahsiakan tentang sentuhan yang kita tidak suka, kita mesti memberitahu seseorang yang kita percaya. Adalah amat penting kita memberitahu seseorang tentang rahsia yang menyebabkan kita rasa tidak senang.

**Guru** : Ada apa (nama boneka)? Adik nak beritahu saya sesuatu?

**Boneka** : Ada seorang menyentuh bahagian sulit saya. Saya tidak suka. Saya perlukan bantuan untuk menghentikannya.

**Guru** : Saya gembira adik memberitahu saya .

**Adalah penting kita memberitahu kanak-kanak bahawa tidak mengapa jika mereka tidak memberitahu seseorang dengan segera tentang "masalah sentuhan" itu. Apabila dia sudah benar-benar bersedia, barulah beritahu.**

# Situasi-Situasi Lakon-Peranan

**L**akon peranan memerlukan penglibatan pelajar dan galakkan mereka berfikir dan melakonkan situasi.

Berikut beberapa contoh situasi lakon peranan yang boleh digunakan semasa guru menjalankan pelajaran kemahiran keselamatan diri:

## Garis panduan cara menjalankan lakon peranan

1. Minta beberapa pelajar sukarela untuk melakonkan situasi yang diberikan.
2. Selepas setiap lakonan peranan, galakkan pelajar berbincang dan memberi cadangan cara mengelakkan diri dari situasi yang berbahaya.
3. Minta pelajar melakonkan cadangan-cadangan mereka.

### Lakon Peranan 1


Seorang yang anda tidak kenal menegur anda semasa dalam perjalanan pulang ke rumah dari sekolah,

**Orang yang tidak dikenali** : Hai, cik adik! Baru balik dari sekolah?

**Pelajar** : (Tidak menjawab dan terus beredar.)

**Orang yang tidak dikenali** : Nampaknya adik kena berjalan jauh. Nak tumpang? Saya tinggal dekat rumah adik.

**Pelajar** : Tidak mahu, terima kasih. (Terus beredar dan beritahu seseorang.)



## Lakon Peranan 2

Seorang yang anda tidak kenal menghampiri anda dan berkata,

- Orang yang tak dikenali** : Ibu adik suruh saya menjemput adik.
- Pelajar** : (Tidak menjawab dan beredar.)
- Orang yang tidak dikenali** : Ibu adik mahu adik balik sekarang juga. Katanya ada hal penting, adik mesti ikut saya sekarang juga. Kereta saya di sana. Mari!
- Pelajar** : TIDAK MAHU! Saya tidak dibenarkan menaiki kereta orang yang saya tidak kenal. (Beredar. Beritahu seseorang.)

## Lakon Peranan 3


Seorang yang anda tidak kenal merapati keretanya dan berhenti dekat dengan anda, menjenguk keluar dari tingkap kereta sambil menegur anda,

- Orang yang tidak dikenali** : Saya telah sesat. Boleh tak adik tunjuk di mana kedai runcit yang terdekat.
- Pelajar** : (Beredar.)
- Orang yang tidak dikenali** : Boleh ikut saya dan tunjukkan tempatnya?
- Pelajar** : Tidak mahu, saya tidak dibenarkan ikut orang yang saya tidak kenal. (Beredar dari situ. Beritahu seseorang.)

## Lakon Peranan 4

Seorang yang anda tidak kenal menegur anda semasa sedang berjalan di kawasan dekat rumah anda,

- Orang yang tidak dikenali** : Duit saya hilang dalam semak ini. Boleh tolong saya mencarinya?
- Pelajar** : TIDAK MAHU! (Terus beredar.)
- Orang yang tidak dikenali** : Tolonglah, sekejap sahaja. Jika adik seorang yang baik, adik tentu akan tolong.
- Pelajar** : Tidak boleh, saya perlu pulang ke rumah. (Beredar. Beritahu seseorang.)



### Lakon Peranan 5

Seorang yang anda kenal, memeluk anda dengan erat, mendakap, dan mencium anda tetapi anda tidak suka perbuatannya.

- Orang itu** : (Memeluk dan mendakap dengan erat.) Comelnya adik ini. Saya suka cubit pipi ini.
- Pelajar** : JANGAN, HENTIKAN! (Mengelak.)
- Orang itu** : Adik tidak suka dipeluk?
- Pelajar** : Tidak, saya tidak suka. Saya mahu awak hentikannya.

### Lakon Peranan 6

Seorang yang anda kenal dan sangat baik dengan anda menyuruh anda menyentuhnya dengan cara yang anda tidak suka.

- Orang itu** : Permainan ini sangat istimewa, hanya untuk orang yang istimewa dan adiklah orang yang istimewa itu. Adik boleh main permainan ini dengan saya. Tetapi ini rahsia kita berdua sahaja.
- Pelajar** : TIDAK MAHU! JANGAN! (Terus beredar.)
- Orang itu** : Janganlah begitu, adik tentu suka. Adik tidak perlu takut. Adik tak akan rasa sakit.
- Pelajar** : TIDAK MAHU! JANGAN! (Beredar dan beritahu seseorang.)

## **Lakon Peranan 7**

Seseorang yang anda kenal menggeletek anda sehingga anda tidak boleh bernafas.

**Orang itu** : Saya dah dapat adik sekarang. Geletek, geletek, geletek.

**Pelajar** : JANGAN! HENTIKAN! (Beredar.)

**Orang itu** : Saya nak geletek adik lagi!

**Pelajar** : JANGAN! HENTIKAN! (Menjauhkan diri.)

**Orang itu** : Adik tidak suka digeletek?

**Pelajar** : Tidak! Saya tidak suka bila saya tidak boleh bernafas.  
Saya tidak mahu anda melakukannya.

## **Lakon Peranan 8**

Seorang yang anda kenal menyentuh anda di bahagian sulit anda.  
(Bahagian yang ditutup dengan seluar dalam ataupun baju mandi.)

**Orang** : Saya lakukan ini kerana adik akan sukakannya.  
Ia baik untuk adik. Adik sangat istimewa.

**Pelajar** : TIDAK MAHU! HENTIKAN! (Terus beredar.)

**Orang itu** : Marilah, ia baik untuk adik. Adik mesti benarkan saya  
melakukannya. Ibu adik pun mahu saya buat begini.

**Pelajar** : TIDAK MAHU! HENTIKAN! (Beredar dan beritahu seseorang.)

# Aktiviti-Aktiviti Yang Menyeronokkan

**K**ita boleh mengajar kanak-kanak isu-isu serius seperti penderaan seksual, secara tidak formal. Penglibatan kanak-kanak adalah penting untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan. Aktiviti seumpama ini juga akan membuka peluang kepada kanak-kanak bertukar idea sesama sendiri.

## Garis panduan

1. Suasana yang selesa amat penting semasa menjalankan aktiviti-aktiviti ini. Guru boleh menjalankan aktiviti ini sama ada dalam bilik darjah atau di luar.
2. Guru digalakkan membuat kelainan dari suasana yang lazim dalam bilik darjah contohnya dengan menyuruh kanak-kanak duduk dalam satu bulatan atau duduk di luar darjah dalam satu bulatan.
3. Sebelum memulakan aktiviti guru perlu menerangkan kepada kanak-kanak tujuan pelajaran kemahiran keselamatan diri.
4. Di akhir aktiviti, ulangi tip-tip keselamatan yang telah dipelajari.

Berikut diberikan beberapa aktiviti pendidikan yang boleh dijalankan oleh guru.

### 1. Permainan Pura-pura

**Objektif:** Membina keyakinan kanak-kanak menangani situasi yang baru, yakin pada rasa hati mereka dan bertindak bijak menjaga keselamatan diri.

- Reka situasi baru berhubung dengan topik keselamatan.
- Suruh kanak-kanak melakonkan tindakan mereka kepada setiap situasi, contohnya, berlatih menjawab semasa membuka pintu atau menjawab telefon; apa yang harus dilakukan jika perlukan bantuan untuk pulang ke rumah dari sekolah; apa yang harus dilakukan jika disentuh oleh ahli keluarga atau seorang guru atau jiran dengan cara yang dia tidak suka.
- Imbangi contoh-contoh anda dengan situasi yang berbahaya dan yang tidak berbahaya.

## 2. Tubuh Anda

**Objektif:** Supaya kanak-kanak ketahui bahagian-bahagian tubuh mereka dan fungsi-fungsinya dan juga faham yang mereka mempunyai hak ke atas tubuh mereka sendiri.

- Dengan menggunakan anak patung atau gambar, ajar nama-nama yang betul untuk bahagian tubuh.
- Beritahu pelajar jika ada sesiapa yang menyentuhnya di sesuatu bahagian-bahagian tertentu tubuhnya (buah dada, bahagian sulit lelaki, buah zakar, faraj, atau punggung), walaupun dia sukakan perasaan itu, dia mesti memberitahu anda.
- Elakkan dari slanga atau perkataan yang berselindung.
- Beritahu kanak-kanak yang tubuh mereka adalah hak mereka dan tiada sesiapa berhak menyentuh mereka jika tanpa kemahuan mereka.

## 3. Perasaan/Suara hati

**Objektif:** Untuk menolong kanak-kanak mengenalpasti suara hati mereka dan juga menggalakkan mereka mempercayai suara hati mereka, terutama sekali bila ada sesuatu yang tidak kena.


- Buat lima bahagian di atas sekeping kertas.
- Di bahagian atas setiap petak tuliskan lima deria: hidu, rasa, lihat, dengar dan sentuh.
- Di sebelah kiri, tuliskan **"OK"** dan di bahagian bawahnya pula **"Tak OK"**.
- Suruh pelajar membuat senarai dalam setiap petak perkara yang mereka suka (OK) dan perkara yang mereka tidak suka (Tak OK).
- Contohnya, Saya sukakan gula-gula, saya tidak sukakan bayam.
- Bila pelajar mulakan di petak sentuhan, bincangkan bagaimana mengenali sentuhan yang OK (kebahagiaan, kasih sayang, perasaan mesra antara dua pihak) dan sentuhan yang Tak OK (sakit, tapak tangan berpeluh, kejangan perut, keliru, takut)
- Bincangkan bagaimana perasaan ini membolehkan kita membuat keputusan.

# Muzik, Nyanyian Dan Pergerakan

**N**yanyian dan pergerakan merupakan satu cara yang menyeronokkan untuk mengajar keselamatan diri. Ia juga menggalakkan pelajar meluahkan perasaan mereka.

## Garis panduan

- Kita menggalakkan guru-guru untuk beralih dari suasana dalam darjah yang lazim. Guru boleh menyuruh pelajar duduk dalam satu bulatan atau duduk di luar darjah dalam satu bulatan.
- Sebelum memulakan pelajaran guru mesti menerangkan kepada pelajar tujuan pelajaran keselamatan diri diadakan.
- Untuk menyeronokkan lagi, bersama pelajar anda boleh lahirkan aksi-aksi dan nyanyian-nyanyian anda sendiri.



## Objektif-objektif

Guru boleh menggunakan aktiviti untuk mengajar pelajar:

- Mengenali bahagian-bahagian tubuh mereka.
- Beritahu mereka yang tubuh mereka amat istimewa dan mereka adalah pemilik tubuh mereka sendiri.
- Mereka boleh berkata “TIDAK MAHU” kepada sesiapa saja yang mahu menyentuh tubuh mereka.



## **1. Jika Anda Gembira, Beginilah Caranya.**

Jika anda gembira, tepuk tangan!  
Jika anda gembira, tepuk tangan!

\* Jika anda gembira,  
Wajah anda pun ceria,  
Jika anda gembira, tepuk tangan

Jika anda gembira, hentak kaki!  
Jika anda gembira, hentak kaki!  
Ulang \*

Tepuk kepala  
Cubit pipi  
Gosok perut  
Gelek punggung dsb.

## **2. Si Man Kata . . .**

Si Man kata sentuh hidung  
(kanak-kanak akan sentuh hidung mereka)

Si Man kata gosok telinga  
(kanak-kanak akan gosok telinga mereka)

Si Man kata tepuk kepala  
(kanak-kanak akan tepuk kepala mereka)

Dsb.

# Bercerita

**B**ercerita ialah satu cara yang popular di kalangan pelajar. Tiada cara yang lebih baik mengajar kemahiran keselamatan dari mengadunkannya dalam satu bentuk cerita yang menarik. Pelajar akan lebih mengingati cerita-cerita dan kemahiran yang diajar jika diberi peluang untuk bersama terbabit dalam bercerita. Galakkan supaya pelajar mengambil bahagian, beri masa untuk berbincang. Galakkan pelajar untuk bertanya.

## Garis panduan untuk bercerita

1. Cuba beralih dari suasana bilik darjah. Suruh pelajar duduk dalam satu bulatan.
2. Duduk bersama pelajar, tetapi tentukan kedudukan supaya semua dapat melihat anda.
3. Sebelum memulakan bercerita, beritahu pelajar yang anda akan mengendalikan pelajaran keselamatan diri.
4. Galakkan pelajar mengambil bahagian dalam proses bercerita dengan menyuruh mereka mengemukakan soalan.
5. Pada penghujung sesi itu, buat rumusan mengenai kemahiran keselamatan yang telah dipelajari oleh pelajar, semasa proses bercerita.


Di sini terdapat beberapa contoh yang boleh digunakan untuk mengajar pelajaran keselamatan:

### *PEREMPUAN YANG MINTA DITUNJUKKAN JALAN*

- Konsep:**
- Seorang dewasa yang meminta pertolongan mungkin menyebabkan bahaya kepada kanak-kanak.
  - Bukan satu sifat yang biadap jika enggan untuk menolong orang yang tidak dikenali.

- Objektif:** Pelajar akan berupaya:
- Mengenalpasti situasi yang mungkin membahayakan.
  - Cadangkan tindakan-tindakan alternatif dalam mengendali situasi yang berbeza.
  - Kenalpasti tindakan-tindakan yang selamat dalam situasi yang mungkin menyebabkan bahaya.

Situasi yang dipaparkan ini ialah situasi keselamatan secara am. Garis panduan keselamatan digunakan dalam pelbagai situasi, sama ada orang yang tidak dikenali ataupun yang dikenali. Pemikiran yang matang dan panduan keselamatan boleh menolong pelajar membuat keputusan berhubung keselamatan diri. Beri pengenalan mengenai konsep mempercayai suara hati dan naluri sendiri.



### **Cerita**

Suatu hari Joe sedang berjalan pulang ke rumah dari sekolah. Seorang perempuan menegurnya dan meminta ditunjukkan arah ke kedai runcit yang terdekat.

### **Perbincangan**

Adakah anda fikir Joe akan menolong?

Apakah garis panduan keselamatan yang harus Joe ingati?

- Jangan terlalu merapati kereta orang yang tidak kita kenali.
- Jangan menaiki kereta orang yang tidak dikenali.
- Tidak mengapa jika tidak menjawab permintaan orang yang tidak dikenali; orang itu boleh mendapatkan bantuan dari orang yang lebih dewasa jika ia benar-benar memerlukan bantuan.

Apa yang Joe boleh lakukan jika ia merasa ada sesuatu yang tidak kena mengenai orang itu?

- Jauhkan diri dari kereta itu dan jangan menjawab pertanyaannya.
- Beritahu yang dia tidak boleh bercakap dengan orang yang tidak dikenali.

Pernahkah anda merasa tidak sedap hati sebelum ini? Bincangkan tentang mempercayai rasa tidak sedap hati atau gerak naluri itu.

## MEMBUKA PINTU

- Konsep:**
- Jika anda berseorangan di rumah, ikutilah panduan keselamatan keluarga tentang membuka pintu.
  - Jika tidak ada panduan keselamatan keluarga, jangan buka pintu jika anda tinggal seorang diri di rumah.

- Objektif:**
- Mengenalpasti situasi yang mungkin membahayakan.
  - Cadangkan tindakan-tindakan alternatif dalam menangani situasi yang berbeza.
  - Mengenalpasti tindakan keselamatan dalam menangani situasi yang membahayakan.

### Cerita

Sarah tinggal di rumah keseorangan. Ibunya hanya akan pulang dalam masa sejam lagi. Sarah sedang menonton TV di bilik tamu bila ia terdengar ada orang mengetuk pintu.

Pada pendapat anda apa yang akan Sarah lakukan?

- Pergi melihat sama ada orang itu kenalan ibu bapanya.
- Jangan buka pintu.

Apa tindakan lain yang boleh diambil oleh Sarah?

- Jauhkan dari pintu bila ada orang mengetuk.
- Beritahu ibu sedang sibuk.



Bagaimana Sarah boleh tahu siapa yang mengetuk pintu? Apa yang boleh ia lakukan.

- Ia boleh melihat melalui tingkap.
- Dia boleh bertanya.

Apa kata jika orang itu jiran anda? Orang yang datang untuk membaiki kerosakan di rumah? Bagaimana anda boleh mengetahui orang itu datang untuk membaiki kerosakan?

- Dalam kebanyakan kes, pelajar akan mengatakan YA untuk membuka pintu kepada jiran; semak panduan keluarga tentang ini.
- Beri penekanan bahawa amat susah untuk memastikan sama ada orang itu benar-benar datang untuk membaiki kerosakan, jadi jangan buka pintu untuk orang itu.

Apa kata jika ada seorang perempuan tidak dikenali datang untuk menggunakan telefon kerana keretanya rosak?

- Beri penekanan yang jika tiada orang dewasa di rumah, kanak-kanak tidak harus membuka pintu kepada orang yang tidak dikenali.

Jika Sarah tidak membuka pintu, adakah ia biadap? Tidak, ia mengamalkan panduan keselamatan.

Minta pelajar memberitahu panduan keselamatan rumah mereka mengenai membuka pintu bila mereka tinggal sendiri di rumah. Bagi pelajar yang tidak pasti, minta mereka bertanyakan pada ibu bapa bila mereka pulang nanti.

Minta pelajar memberitahu anda apa yang akan mereka lakukan jika mereka itu Sarah. Ini akan memberi peluang pada pelajar untuk melakonkan peranan yang betul menangani keadaan.



# Lampiran

Undang-Undang Berkaitan Dengan 66  
Penderaan Seksual Kanak-kanak

Agensi yang boleh dihubungi 76

# **Undang-Undang Berkaitan Dengan Penderaan Seksual Kanak-kanak**

## **1.1 Pengenalan**

Penderaan seksual kanak-kanak adalah satu jenayah. Sesiapa yang melakukan jenayah ini boleh didakwa dan, jika didapati bersalah, boleh dihukum penjara dan/ atau dirotan dan/atau didenda. Pendakwaan akan dilakukan oleh Pendakwaraya atau Penolong Pendakwaraya. Yang dituduh akan diwakili oleh peguamnya. Mangsa yang membuat aduan dikehendaki memberi eviden dalam mahkamah sebagai saksi. Untuk meringankan trauma yang dihadapi oleh mangsa, mangsa perlu diberi kaunseling mengenai undang-undang dan sokongan sebelum dan semasa perbicaraan dijalankan. Khidmat seorang peguam disediakan untuk bertindak bagi pihak mangsa semasa perbicaraan untuk melindungi kepentingan mangsa (dengan menjadi pemerhati dalam perbicaraan). Ini boleh dilakukan dengan pertolongan dari Pusat Bantuan Guaman, Jabatan Bantuan Guaman dan Badan Bukan Kerajaan di mana mereka ini menyediakan perkhidmatan yang demikian.

## **1.2 Jenayah**

Tujuan undang-undang kriminal ialah untuk menghukum dan memulihkan penjenayah supaya mereka tidak lagi melakukan jenayah yang sedemikian. Walaupun mangsa tidak akan dapat pampasan dalam bentuk wang ringgit dari pihak pendakwaan, ia akan menghalang berlakunya lagi penderaan ke atas mangsa dan menghalang pendera daripada mendera kanak-kanak yang lain.

Mangsa (melalui orang dewasa) boleh memfailkan prosiding sivil terhadap pendera. Mangsa boleh kemukakan tuntutan atas kesusahpayahan yang dihadapi dan kos perbelanjaan (rawatan di hospital, penempatan alternatif, perjalanan, dll.) dan penderitaan yang ditanggung. Adalah penting diambil kira kemungkinan sekolah atau institusi disaman untuk gantirugi jika dibuktikan yang sekolah atau institusi itu tidak menghiraukan kaedah keselamatan atau menyebabkan penderaan seksual kanak-kanak di sekolah.

Melalui Akta Kanak-Kanak 2001, pegawai kebajikan boleh memindahkan seorang kanak-kanak yang didera atau dalam keadaan yang membahayakan dan menempatkan kanak-kanak dalam penjagaan lain-lain ahli keluarga, keluarga angkat atau ke rumah kebajikan. Pesalah boleh di dakwa dengan kesalahan seperti yang ditetapkan dalam Akta.

Bergantung pada fakta-fakta sebenar, seorang yang melakukan penderaan seksual ke atas kanak-kanak boleh didakwa di bawah mana-mana satu atau lebih melalui kesalahan kriminal yang berikut:

## 1.3 Akta Jenayah

### 1.3.1 Kesalahan di bawah Akta tersebut

<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Hukuman</b>
<b>354</b>	Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseorang dengan niat untuk mencabul kehormatannya.	Hukuman maksima penjara 10 tahun atau denda atau rotan atau mana-mana dua daripada hukuman itu.
<b>355</b>	Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah bertujuan untuk mengaibkan seseorang kecuali didesak dengan provokasi yang serius.	Hukuman maksima ialah 2 tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali.
<b>372</b>	Mengeksploitasikan seseorang untuk tujuan pelacuran.	Hukuman maksima 15 tahun penjara dan sebatan serta boleh dikenakan denda.
<b>375 (a), (b) &amp; (g)</b>	Rogol adalah persetubuhan yang dilakukan ke atas seorang perempuan yang bukan isterinya dan tanpa persetujuan dan rogol berkanun ialah persetubuhan yang dilakukan dengan seorang perempuan di bawah umur 16 tahun dengan atau tanpa kerelaan perempuan itu.	Maksima 20 tahun penjara serta boleh dikenakan sebatan.



<b>376 (d) &amp; (e)</b>	Rogol di mana persetubuhan dilakukan tanpa kerelaan mangsa di bawah umur 16 tahun atau di mana persetubuhan dilakukan dengan atau tanpa kerelaan mangsa dibawah umur 12 tahun.	Minima 5 tahun penjara dan maksima 30 tahun penjara serta boleh dikenakan sebatan.
<b>376A &amp; 376B</b>	Sumbang mahram – persetubuhan dengan seseorang yang tidak boleh dikahwini, samada kerana larangan undang-undang, agama, adat atau kebiasaan (seorang perempuan di bawah 16 tahun atau lelaki di bawah 13 tahun adalah dianggap tidak dapat memberi kerelaan untuk perbuatan sumbang mahram).	Minima 6 tahun penjara dan maksima 20 tahun penjara serta boleh dikenakan sebatan.
<b>377A &amp; 377B</b>	Persetubuhan karnal di luar tabii dengan memasuki zakar lelaki ke dalam dubur atau mulut orang lain.	Maksima 20 tahun penjara serta boleh dikenakan sebatan. Maksima 20 tahun penjara serta boleh dikenakan sebatan.
<b>377C</b>	Persetubuhan di luar tabii tanpa persetujuan atau tanpa kerelaan atau secara menyebabkan ketakutan tentang maut atau kecederaan kepada mangsa ataupun orang lain.	Minima 5 tahun penjara dan maksima 20 tahun serta boleh dikenakan sebatan.
<b>377CA</b>	Perhubungan seksual melalui objek iaitu memasukkan sebarang objek ke dalam faraj atau dubur seseorang tanpa kerelaannya.	Maksima 20 tahun serta boleh dikenakan sebatan.
<b>377D</b>	Kesalahan melanggar kesopanan.	Maksima 2 tahun penjara.
<b>377E</b>	Merangsang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun untuk melakukan perbuatan kelucahan melampau.	Maksima 5 tahun penjara serta boleh dikenakan sebatan.
<b>509</b>	Perkataan atau isyarat yang berniat untuk mengaibkan seseorang.	Maksima 5 tahun penjara atau denda atau kedua-duanya.

### **1.3.2 Percubaan**

Di bawah seksyen 511, sesiapa yang membuat percubaan atau semasa percubaan itu telah melakukan kesalahan itu, akan dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan di mana hukuman penjara akan dikenakan tidak melebihi separuh masa hukuman maksima seperti yang diperuntukkan dengan kesalahan.

## **1.4 Akta Kanak-Kanak 2001**

Akta Kanak-Kanak 2001 telah mula berkuatkuasa pada tahun 2001 dan ia menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Akta ini bertujuan untuk menjaga kepentingan kanak-kanak yang menghadapi pelbagai risiko. Akta ini merupakan pengganti kepada Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Pelindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Pelindungan Kanak-Kanak 1991, yang semuanya kini telahpun dimansuhkan.

Akta ini memperuntukkan bahawa Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak ditubuhkan di seluruh negara untuk menyelaraskan perkhidmatan kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan atau yang mungkin memerlukan perlindungan. Setiap pasukan terdiri daripada seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai kanan polis, kedua-duanya di bawah pimpinan seorang "Pelindung" iaitu seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik khas.

Akta ini juga merangkumi penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Kanak-Kanak di mana Majistret, yang dibantu oleh 2 orang penasihat di mana salah seorang daripada penasihat tersebut mestilah seorang wanita, akan mendengar kes-kes yang membabitkan kanak-kanak. Dalam membuat keputusan untuk menentukan jenis perintah yang perlu dibuat berkenaan dengan kanak-kanak terbabit, Mahkamah haruslah memberi penekanan utama kepada kepentingan kanak-kanak tersebut.

### **1.4.1 Definisi Kanak-Kanak Yang Memerlukan Perlindungan**

Di bawah Akta ini, "kanak-kanak" ertinya seseorang yang di bawah umur 18 tahun, kecuali dalam prosiding jenayah, di mana ia merujuk kepada seseorang yang di bawah umur 10 tahun, atau seseorang di antara umur 10 hingga 12 tahun yang tidak memahami sifat dan kesan perbuatan yang dilakukannya.

#### **1.4.2 Penganiayaan Seksual (Seksyen 17)**

Seseorang kanak-kanak dianggap teraniaya dari segi seks di bawah Akta ini jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang berunsur pornografi, lucah atau tidak senonoh; atau bagi maksud eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

#### **1.4.3 Kanak-Kanak yang Memerlukan Pemeliharaan dan Pelindungan (Seksyen 17)**

Seseorang kanak-kanak dianggap memerlukan pemeliharaan dan pelindungan, antara lain, jika:

- a. kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal atau emosi, atau dianiayai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarga luasnya;
- b. kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal atau emosi atau dianiayai dari segi seks DAN ibu atau bapa atau penjaganya, yang tahu tentang kecederaan atau penganiayaan atau kemungkinan sedemikian, telah tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu daripada kecederaan atau penganiayaan sedemikian;
- c. kanak-kanak itu ialah atau mungkin ialah mangsa mana-mana kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta ini (termasuk penculikan, rogol, sumbang mahram, liwat dan menyebabkan kecederaan) dan ibu atau bapa atau penjaganya adalah pelaku kesalahan tersebut atau disyaki melakukan kesalahan tersebut, ataupun mereka tidak melindungi atau disyaki tidak melindungi kanak-kanak tersebut dari perlakuan kesalahan tersebut; atau
- d. kanak-kanak itu tinggal di dalam rumah yang sama dengan sama ada mangsa atau pelaku kesalahan dalam (c) di atas dan kanak-kanak itu sendiri mungkin akan menjadi mangsa, dan ibu atau bapa atau penjaganya telah melakukan atau mungkin telah melakukan kesalahan tersebut ataupun mereka mungkin tidak akan melindungi kanak-kanak itu.

#### **1.4.4 Kanak-kanak yang Memerlukan Pelindungan Dan Pemulihan (Seksyen 38)**

Seseorang kanak-kanak dianggap memerlukan pelindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu sedang didorong untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual atau berada dalam apa-apa suasana fizikal atau sosial yang boleh membawa kepada pelaksanaan perbuatan itu.

#### **1.4.5 Jagaan Sementara dan Pemeriksaan dan Rawatan Perubatan (Seksyen 39)**

- a. Mana-mana Pelindung atau pegawai polis yang berpuas hati atas alasan-alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan, boleh demi kepentingan kanak-kanak tersebut mengeluarkan kanak-kanak itu dari rumah dan mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara.
- b. Jika Pelindung atau pegawai polis yang berkenaan berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, Pelindung atau pegawai polis itu boleh sama ada membawa kanak-kanak itu ke hospital ataupun mengarahkan pemelihara kanak-kanak tersebut supaya berbuat demikian. Pelindung atau pegawai polis tersebut juga boleh memberi kuasa bagi tujuan rawatan kanak-kanak itu di hospital dan untuk sebarang rawatan perubatan, pembedahan dan psikiatrik yang diperlukan sekiranya terdapat risiko yang segera terhadap kesihatan kanak-kanak itu.

#### **1.4.6 Pengemukaan di hadapan Mahkamah bagi Kanak-Kanak (Seksyen 39)**

- a. Tiap-tiap kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan sementara oleh seseorang Pelindung atau pegawai polis hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Kanak-Kanak dalam masa 24 jam.
- b. Jika Mahkamah berpuas hati bahawa kanak-kanak tersebut memerlukan pemeliharaan dan pelindungan, Mahkamah boleh mengeluarkan perintah interim (sementara) untuk meletakkan kanak-kanak tersebut di suatu tempat selamat sehingga laporan penyiasatan mengenai keadaan kanak-kanak tersebut oleh Pelindung diserahkan kepada Mahkamah.

- c. Selepas membuat pertimbangan berdasarkan laporan tersebut, Mahkamah boleh, antara lain:
- i. mengarahkan supaya kanak-kanak tersebut ditempatkan di tempat perlindungan selama 3 tahun;
  - ii. meletakkan kanak-kanak itu di bawah penjagaan seseorang yang dilantik oleh Mahkamah;
  - iii. mengarahkan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut untuk mengeluarkan bon dan berjanji untuk menjaga dan memberi tunjuk ajar yang baik kepada kanak-kanak tersebut; atau
  - iv. meletakkan kanak-kanak tersebut di bawah pengawasan pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh Mahkamah berdasarkan syarat-syarat yang diluluskan oleh Mahkamah, selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

#### **1.4.7 Kanak-Kanak yang Memerlukan Pelindungan dengan Segera (Seksyen 41)**

- a. Seseorang kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dengan segera boleh memohon kepada Pelindung untuk diletakkan di tempat perlindungan. Pelindung mesti berpuas hati bahawa ada sebab yang munasabah untuk dipercayai, antara lain, bahawa kanak-kanak itu sedang diancam atau ditakut-takutkan bagi apa-apa maksud lucah (termasuk pelacuran atau persetubuhan); atau jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang hamil anak luar nikah.
- b. Seseorang kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dengan segera boleh juga memohon kepada orang yang menjaga mana-mana tempat perlindungan, yang boleh menerima kanak-kanak itu masuk ke tempat perlindungan tersebut.

#### **1.4.8 Sekatan ke atas Laporan dan Penyiaran Media (Seksyen 15)**

- a. Apa-apa laporan media massa mengenai:
  - i. sebarang langkah yang diambil ke atas kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam perbuatan jenayah;
  - ii. kanak-kanak yang memerlukan dan yang telahpun diberikan pemeliharaan dan perlindungan;
  - iii. mana-mana mangsa kanak-kanak atau mangsa kanak-kanak yang disyaki; atau
  - iv. apa-apa prosiding yang membabitkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan tidak boleh mendedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan, atau memasukkan apa-apa butir yang membolehkan dikenal pasti kanak-kanak tersebut.
- b. Gambar kanak-kanak atau gambar orang, tempat atau benda lain yang mungkin membolehkan dikenal pasti kanak-kanak itu tidak boleh disiarkan dalam apa-apa akhbar atau majalah atau disampaikan melalui apa-apa perantara elektronik.
- c. Sesiapa yang melanggar peruntukan-peruntukan ini boleh didenda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **1.4.9 Kewajipan Pegawai Perubatan, Anggota Keluarga dan Pengasuh Kanak-Kanak (Seksyen 27,28,29)**

- a. Jika:
  - i. seseorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak yang sedang diperiksa atau dirawatnya; atau
  - ii. jika ahli keluarga kanak-kanak tersebut; atau
  - iii. pengasuh kanak-kanakmempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seks, mereka hendaklah dengan serta-merta memberitahu seorang Pelindung.

- b. Mana-mana pegawai perubatan, pengamal perubatan berdaftar atau pengasuh kanak-kanak yang gagal mematuhi peruntukan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.
- c. Mana-mana anggota keluarga yang gagal mematuhi peruntukan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang ditentukan oleh Mahkamah. Sekiranya anggota keluarga tersebut tidak mematuhi mana-mana syarat bon yang diperuntukkan tersebut, dia boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **1.4.10 Kesalahan-Kesalahan Lain Di Bawah Akta Kanak-Kanak 2001**

- a. Di bawah Seksyen 31, sesiapa yang memelihara seorang kanak-kanak dan:
  - i. yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian; atau
  - ii. yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian,

melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sehingga RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan akan diwajibkan untuk mengeluarkan bon berkelakuan baik mengikut syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

- b. Di bawah Seksyen 33, mana-mana orang, yang merupakan ibu atau bapa atau penjaga atau orang yang pada masa itu mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang meninggalkan kanak-kanak itu tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan bagi kanak-kanak itu boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.
- c. Di bawah Seksyen 43, mana-mana orang yang menjual, menyewakan atau selainnya memberikan, atau membeli atau menyewa atau selainnya memperoleh milikan kanak-kanak untuk tujuan pelacuran boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya.



# Agensi-agensi Yang Boleh Dihubungi

## Polis

### Ibu Pejabat Kontijen

- Bukit Aman, Kuala Lumpur 03-2262 6222
- Johor 07-225 4422
- Kedah 04-774 1222
- Kelantan 09-745 5622
- Kuala Lumpur 03-2146 0522
- Labuan 087-412 222
- Melaka 06-285 4222
- Negeri Sembilan 06-768 2222
- Pahang 09-590 2222
- Perak 05-245 1222
- Perlis 04-908 2222
- Pulau Pinang 04-222 1522
- Sabah 088-450 222/212 222
- Sarawak 082-245 522
- Selangor 03-5514 5222
- Terengganu 09-635 4722

## Jabatan Kebajikan Masyarakat

### (Buka: 8.00 pagi - 4.30 petang)

- Johor 07-228 2971/228 2972
- Kedah 04-7001700/1712
- Kelantan 09-7416900
- Kuala Lumpur 03-4044 1188
- Labuan 087-424 961
- Melaka 06-232 4716
- Negeri Sembilan 06-765 9555
- Pahang 09-565 0222
- Perak 05-254 5505/242 2505
- Perlis 04-970 2179/976 1957
- Pulau Pinang 04-650 5259/650 5278
- Sabah 088-254 648
- Sarawak 082-449 577
- Selangor 03-5519 2876/55101400
- Terengganu 09-627 4251/622 2444

## Hospital Besar (Buka 24 jam)

• Johor	Johor Baru	07-225 7000
• Kelantan	Kota Baru	09-745 2000
• Kedah	Alor Setar	04-740 6233
• Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan	03-2615 5555
• Melaka	Bandar Melaka	06-282 2344
• Negeri Sembilan	Seremban	06-768 4000
• Pahang	Kuantan	09-513 3333/5572222
• Pulau Pinang	Georgetown	04-222 5333
• Perak	Ipoh	05-253 3333
• Perlis	Kangar	04-973 8000
• Sabah	Kota Kinabalu	088-218 166/517 555
• Labuan		087-423 919/596 888
• Sarawak	Kuching	082-276 666
• Selangor	Klang	03-3375 7000
• Terengganu	Kuala Terengganu	09-621 2121

## Jabatan Bantuan Guaman

• Perak	Ipoh	05-254 4027/255 2240
• Johor	Johor Baru	07-223 4960/2237073
•	Muar	06-952 2410
• Kedah	Alor Setar	04-700 1550/2
• Kelantan	Kota Baru	09-748 2548/744 5075
• Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan	03-2694 2700
• Melaka	Bandar Melaka	06-284 1952/281 5470
• Negeri Sembilan	Seremban	06-763 0457
• Pahang	Kuantan	09-516 1135/516 2639
•	Raub	09-355 3677
• Pulau Pinang	Georgetown	04-229 0966/229 5966
• Perlis	Kangar	04-977 2377/977 1742
• Sabah	Kota Kinabalu	088-488 296
• Sarawak	Kuching	082-258 699/416
•	Miri	085-423 606
• Selangor	Shah Alam	03-5510 6192/5510 6298
• Terengganu	Kuala Terengganu	09-622 3722/622 1722

## Pusat Bantuan Guaman

• Johor	Johor Baru	07-223 5698
• Kedah/Perlis	Alor Setar	04-733 3467/730 8305
• Kelantan	Kota Baru	09-744 8660
• Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan	03-2693 2072/2691 3005
• Melaka	Bandar Melaka	06-284 5519/286 4514
• Negeri Sembilan	Seremban	06-601 3844/3
• Pahang	Temerloh	09-296 9410
• Pahang	Kuantan	09-515 9244
• Perak	Ipoh	05-255 0523
• Pulau Pinang	Georgetown	04-261 7451
• Selangor	Klang	03-5510 7007/8
• Terengganu	Kuala Terengganu	09-622 0249

## Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs)

### **Pusat Kesedaran Wanita (WCC)**

24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang  
Tel: 04-228 0342 • E-mel: [wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org)

### **Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) Seberang Perai**

67A, Tingkat 1, Jalan Perai Jaya 4, Bandar Perai Jaya,  
13600 Perai (Belakang Pacific Megamall)  
Tel: 04-398 8340/398 8341 • Emel: [ppwsp@streamyx.com](mailto:ppwsp@streamyx.com)

### **Children Protection Society (CPS)**

118A, Jalan Scotland, 10450 Pulau Pinang  
Tel: 04-829 4046

### **Malaysian Child Resource Institute (MCRI)**

Peti Surat 1148, Jalan Pantai Baru,  
59700 Kuala Lumpur  
Tel: 03-9132 1748 • Emel: [mcri@streamyx.com](mailto:mcri@streamyx.com)

### **PS The Children**

No 5, Jalan 7/14, Section 7,  
46050 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7784 4344/55 • [www.psthechildren.org.my](http://www.psthechildren.org.my)

### **Talian Nur (Buka 24 jam)**

Tel: 15999

